




ARKIB NEGARA MALAYSIA  
NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA

# Laporan Tahunan *Annual Report* 2013





#### Keterangan Kulit Hadapan / [About the Cover](#)

Bangunan Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Audio visual Negara (PPAV), Arkib Negara Malaysia. Penubuhan pusat ini merealisasikan hasrat Arkib Negara untuk memperluaskan peranannya dalam bidang perolehan, pemprosesan, pemuliharaan bahan audiovisual kepada sektor swasta dan orang perseorangan. Bangunan ini diserahkan sepenuhnya pada 17 Disember 2009 dan menelan belanja sebanyak RM 27 Juta.

*Centre for Documentation and Conservation of the National Audio visual (CDCNA) Building, National Archives of Malaysia. The establishment of this centre realized the aspirations of the National Archives to expand its role in the acquisition, processes, preservation of audiovisual materials to the private sector and individuals. This building fully handed over on 17 December 2009 and cost a total of RM 27 million.*

Hak Cipta Arkib Negara Malaysia, 2013

[Copyright National Archives of Malaysia, 2013](#)

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Arkib Negara Malaysia terlebih dahulu.

*All Rights Reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, whether electronic, photographic and recording or otherwise, without prior written permission of the National Archives of Malaysia.*

Diterbitkan oleh

ARKIB NEGARA MALAYSIA

Jalan Duta, 50568 Kuala Lumpur

*Published by*

NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA

Jalan Duta, 50568 Kuala Lumpur

Rekabentuk dan dicetak oleh:

*Designed and printed by:*

Absolute Master Printers Sdn. Bhd

ISSN 0128-4363

# Isi Kandungan

## Contents

Perutusan Menteri <i>Message from the Minister</i>	4
Perutusan Ketua Pengarah <i>Message from the Director General</i>	6
Visi, Misi dan Objektif <i>Vision, Mission and Objectives</i>	8
Ahli Lembaga Penasihat <i>Advisory Board Members</i>	9
Pengurusan Tertinggi Arkib Negara Malaysia <i>Top Management, National Archives of Malaysia</i>	10
Carta Organisasi Arkib Negara Malaysia <i>Organisation Chart, National Archives of Malaysia</i>	11
Profil Arkib Negara Malaysia <i>Profile of the National Archives of Malaysia</i>	13
Bahagian Khidmat Pengurusan <i>Management Services Division</i>	21
Bahagian Perancangan dan Penyelarasan <i>Planning and Coordination Division</i>	27
Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan <i>Government Records Management Division</i>	35
Bahagian Pengurusan Arkib <i>Archives Management Division</i>	49
Bahagian Pengembangan <i>Advocacy Division</i>	63
Bahagian Pengurusan Penyelidikan dan Dokumentasi <i>Research and Documentation Management Division</i>	71
Bahagian Arkib Negarawan <i>Statesmen Archives Division</i>	77
Cawangan-Cawangan Negeri <i>State Branches</i>	91
Pertubuhan Ikhtisas Antarabangsa <i>International Professional Organisations</i>	95
Laporan Kewangan <i>Financial Report</i>	101
Lampiran <i>Appendices</i>	105

# Perutusan Menteri

*Message From The Minister*

DATO' SERI MOHAMED NAZRI  
ABDUL AZIZ



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T, dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, Laporan Tahunan Arkib Negara Malaysia bagi tahun 2013 dapat diterbitkan sebagaimana tahun-tahun sebelumnya.

Selaku jabatan yang menyimpan bahan-bahan arkib bernilai tinggi, Arkib Negara memainkan peranan penting sebagai perantara kepada orang awam untuk membolehkan mereka mengenali dan menghayati khazanah warisan negara dan kepentingannya. Bahan-bahan arkib selain dapat membantu melahirkan masyarakat yang berilmu dan mempunyai jati diri, ianya juga boleh menyumbang kepada sektor ekonomi negara. Bahan-bahan arkib yang unik dan anjal dapat menarik ramai pengunjung untuk menjalankan penyelidikan di Arkib Negara. Justeru, kemudahan akses yang lebih meluas dan terkini penting untuk pasaran produk bahan arkib ke peringkat global.

Di kesempatan ini, ingin saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Arkib Negara Malaysia kerana sekali lagi telah memperoleh pencapaian 5 bintang dalam Penilaian Portal Kerajaan bagi tahun yang ke-4 berturut-turut. Saya mengharapkan agar pencapaian seumpama ini dapat dikekalkan di masa akan datang.

Akhir sekali, sekalung penghargaan kepada semua tenaga kerja Arkib Negara yang terlibat dalam menjayakan setiap program yang dirancang pada tahun 2013. Setiap sumbangan dan komitmen yang ditunjukkan oleh warga Arkib Negara ternyata memberi impak yang signifikan kepada kementerian khususnya dalam mempromosikan sektor Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Dengan melakukan penambahbaikan secara berterusan dalam setiap aspek kerja, diharapkan lebih banyak kejayaan dan pencapaian yang akan diperoleh pada masa akan datang.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh and Salam 1Malaysia.

All praises are due to Allah the Almighty, by His grace and His permission the 2013 National Archives of Malaysia Annual Report has successfully been published as in previous years.

As the department that safeguards high value archival materials, the National Archives plays an integral role as an intermediary for the public to enable them to recognise and appreciate the heritage of the nation and her interests. These archival materials, besides helping to forge a knowledge society with a strong identity, can also contribute to the national economy. Moreover, unique and enduring archival materials are able to attract many visitors to conduct research at the National Archives. Therefore, a greater ease and state of the art access are important to market the archival material products globally.

At this favourable circumstance, I would like to congratulate the National Archives of Malaysia because once again has commendably earned a 5-star performance in the Evaluation of Government Portal for the 4th year in a row. I hope that such performance is maintained in the future.

Finally, congratulations to all the staff of the National Archives of Malaysia who are involved in the success of each programme planned in 2013. Each contribution and commitment shown by the staff of the National Archives of Malaysia clearly contribute a significant impact to the ministry, especially in the promotion of Tourism and Culture sector. By making continuous improvements in all aspects of the work, it is hoped that more success and achievements will be possible in the future.




**DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia  
*Minister of Tourism and Culture Malaysia*

# Perutusan Ketua Pengarah

## *Message From the Director General*

AZEMI ABDUL AZIZ



Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim,

Saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana Laporan Tahunan bagi Tahun 2013 dapat diterbitkan untuk melaporkan tentang aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh Arkib Negara Malaysia sepanjang tahun tersebut. Pelbagai usaha dilaksanakan dalam memperluaskan lagi Arkib Negara sebagai Pusat Arkib dan Penyelidikan Negara yang unggul. Kesedaran tentang pengurusan rekod telah meningkat, sekali gus membawa profesyen kearkiban semakin mendapat perhatian dalam perkhidmatan awam apabila pada tahun 2013 jawatan pegawai arkib kader telah diwujudkan di pelbagai kementerian dan jabatan

Tahun 2013 memberikan pengiktirafan kepada Arkib Negara Malaysia apabila telah memperoleh taraf lima bintang bagi Penilaian Laman Web Kerajaan atau Malaysian Government Portal Website Assessment (MGPWA) hasil penilaian oleh Malaysian Development Corporation (MDec) untuk kali yang ke empat berturut-turut sejak tahun 2010. Perjanjian Persefahaman antara Arkib Negara dan Tentera Laut Diraja Malaysia berkaitan Jadual Pelupusan Rekod Urusan Fungsian pada 18 Julai 2013 adalah antara usaha Arkib Negara untuk meningkatkan pengurusan rekod dalam perkhidmatan awam.

Disamping itu, Arkib Negara juga telah menganjurkan Program Mengenang Tokoh Negarawan Peringkat Negeri Sabah yang diadakan pada 17 hingga 19 September 2013 di Arkib Negara Malaysia Cawangan Sabah. Perasmian program tersebut telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin. Antara pengisian penting program ini ialah Seminar 50 Tahun Penubuhan Malaysia sempena menyambut 50 tahun pembentukan Malaysia dan Majlis Bicara Tokoh: Allahyarham Tun Datuk Haji Mohammad Fuad Stephens bagi mendekati lagi masyarakat negeri Sabah terhadap jasa dan pengorbanan tokoh-tokoh negeri itu khususnya dalam merealisasikan penubuhan Malaysia.

Dalam usaha untuk memperkayakan bahan-bahan arkib, Arkib Negara Malaysia telah menghantar pegawai dan kakitangan ke beberapa institusi di luar negara seperti United Kingdom, Republik Indonesia dan juga India bagi tujuan membuat pengesanan dan penyalinan bahan-bahan arkib. Hubungan kerjasama yang baik antara Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negara India telah menghasilkan kejayaan apabila institusi tersebut membenarkan Arkib Negara menjalankan kajian dan seterusnya melaksanakan projek pendigitalan bahan-bahan mengenai Malaysia yang tersimpan di arkib tersebut. Majlis Penghargaan Pengurusan Rekod Terbaik pada 5 Disember 2013 pula telah diadakan untuk mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada kementerian-kementerian yang telah melaksanakan tadbir urus pengurusan rekod yang baik dan bersistematik. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan ke atas seluruh warga arkib di atas komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan sehingga membolehkan semua program dan aktiviti yang dirancang berjalan dengan lancar bagi tahun 2013.



**AZEMI ABDUL AZIZ**

Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia  
Director General National Archives of Malaysia

With the pronouncement of Bismillahirrahmanirahim,

I would like to offer my gratefulness to Allah SWT for the publication of the Year 2013 Annual Report that report on the activities and programmes implemented by the National Archives of Malaysia throughout the year. Various efforts were undertaken in expanding the National Archives as the nation's premier Archives and Research Centre. Awareness of records management has increased, inducing the archival profession in gaining more attention in the public service particularly in 2013 when the post of archivist cadres have been created in various ministries and departments.

2013 granted recognition to the National Archives of Malaysia via earning a five-star status for Malaysian Government Portal Website Assessment (MGPWA), an assessment by the Malaysian Development Corporation (MDec) for the fourth time in a row since 2010. An Agreement of Understanding between the National Archives and the Royal Malaysian Navy on 18 July 2013 with regards to Managing Functional Records Disposal Schedule, is also part of National Archives' efforts to improve records management in the public service.

In addition, the National Archives has also organised a program Commemorating Statesmen at Sabah State Level held on 17 to 19 September 2013 in the Sabah Branch of National Archives of Malaysia. The opening programme was graced by His Excellency the Head of State, Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin. Among the significant contents of this program is the 50 Years Formation of Malaysian Seminar that celebrates the 50 years of Malaysia formation; and the Statesman Talk Ceremony by Datuk Tun Haji Mohammad Fuad Stephens that enlightened the Sabahan community of the services and sacrifices of their statesmen, particularly in the realisation of Malaysia

In order to enrich the archival materials further, the National Archives of Malaysia has sent officials and staff to several institutions abroad such as the United Kingdom, the Republic of Indonesia and India for the purpose of recovering and copying archival materials. Cooperative relationship between the National Archives of Malaysia and National Archives of India have brought forth advantageous result when the National Archives of India allowed us to further research and digitised materials with regard to Malaysia that are stored in their archives. On 5 December 2013, Best Records Management Awards Ceremony was established to acknowledge and honor various ministries that have implemented efficient and systematic records management governance. On this occasion, I wish to express my deepest gratitude and appreciation to the entire staff of the archives for their relentless commitment and dedication in order to enable all planned programmes and activities run smoothly throughout 2013.

# VISI, MISI & OBJEKTIF

*Vision, Mission & Objective*

## VISI

Menjadi Pusat Arkib dan Penyelidikan Negara yang unggul

## MISI

Memastikan rekod negara yang bernilai kekal dipelihara, menyediakan perkhidmatan rujukan dan kemudahan penyelidikan yang terbaik serta memasyarakatkan bahan arkib dan sejarah.

## OBJEKTIF

- Meningkatkan kecekapan pengurusan rekod kerajaan melalui khidmat nasihat dan penguatkuasaan Akta Arkib Negara 2003.
- Meningkatkan kesedaran penjawat awam untuk memelihara rekod kerajaan yang bernilai sebagai memori institusi.
- Memperolehi koleksi bahan arkib dari sumber tidak rasmi melalui hadiah, sumbangan, derma, pembelian dan sebagainya.
- Memelihara bahan arkib sebagai warisan negara mengikut piawaian yang telah ditetapkan.
- Menggalakkan penggunaan bahan arkib sebagai sumber rujukan dan penyelidikan melalui kemudahan capaian.
- Mempertingkatkan kesedaran dan penghayatan sejarah negara melalui penggunaan bahan arkib.
- Memperluaskan penyebaran dan penggunaan bahan arkib melalui penggunaan teknologi terkini, pameran, penerbitan dan sebagainya.
- Meningkatkan jumlah pelawat ke Arkib Negara dan Memorial melalui program dan aktiviti yang terancang.

## VISION

*Becoming the nation's premier Archives and Research Centre*

## MISSION

*Ensuring valuable records of the nation are permanently preserved, providing reference services and excellent research facilities as well as communalising of archival and historical materials.*

## OBJECTIVES

- *To improve competent management of government records through advisory services and the enforcement of the National Archives Act 2003.*
- *To heighten awareness among civil servants on the need to preserve valuable government records as an institutional memory.*
- *To acquire a collection of archival materials from unofficial sources through gifts, contributions, donations, purchases and other means.*
- *To preserve archival materials as the nation's heritage in accordance with prescribed standards.*
- *To encourage the use of archival materials as reference and research resources through easy accessibility.*
- *To heighten awareness and appreciation of the nation's history through the use of archival materials.*
- *To expand the dissemination and use of archival materials through the use of latest technology, exhibitions, publications and other means.*
- *To increase the number of visitors to the National Archives and Memorials through planned programmes and activities.*

# AHLI LEMBAGA PENASIHAT

*Members Of The Advisory Board*



Pengerusi / *Chairman*

YBhg. Datuk Hajjah Raya binti Erom

Ahli-Ahli / *Members*

YBhg. Datuk Dr. Ong  
Hong Peng



YBhg. Dato' Hajjah Daresah  
binti Hj. Ismail



YBhg. Tan Sri Abd Ghafar  
bin Mahmud



YBhg. Tan Sri Ab. Kadir  
bin Mohamad



YBhg. Tan Sri Dato' Hj. Alimuddin  
bin Hj. Mohd Dom



YBhg. Prof. Datuk Dr. Zainal  
bin Kling



YBhg. Prof. Datuk Dr. Abdullah  
Zakaria bin Ghazali



YBrs. Puan Nor'aini  
binti Abdul Razak



# PENGURUSAN TERTINGGI ARKIB NEGARA MALAYSIA

## NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA TOP MANAGEMENT



Dato' Hajjah Daresah Haji Ismail  
Ketua Pengarah / *Director General*



Faridah Ishak  
Timbalan Ketua Pengarah / *Deputy Director General*  
Perancangan dan Pengurusan / *Planning and Management*  
Mulai/ *Since* 7.1.2013



Azemi Abdul Aziz  
Timbalan Ketua Pengarah / *Deputy Director General*  
Penyelidikan dan Pengembangan / *Research and Advocacy*



Kamariah Ismail  
Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelaras  
*Director Planning and Coordination Division*



Azimah Mohd Ali  
Pengarah Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan  
*Director Government Records Management Division*



Faridah Ishak  
Sehingga/ *Until* 6.1.2013  
Pengarah Bahagian Pengurusan Arkib  
*Director Archives Management Division*



Habibah Ismail  
Mulai/ *Since* 3.6.2013  
Pengarah Bahagian Pengurusan Arkib  
*Director Archives Management Division*



Normah Sheikh Abdullah  
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan  
*Director Management Services Division*



Savumtharaja Gopal  
Pengarah Bahagian Pengembangan  
*Director Advocacy Division*



Yatimah Rimun  
Pengarah Bahagian Pengurusan Penyelidikan dan Dokumentasi  
*Director Research & Documentation Management Division*



Ihsan Haji Hassan  
Pengarah Bahagian Arkib Negarawan  
*Director Statesmen Archives Division*



# WARGA ARKIB NEGARA MALAYSIA 2013

NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA STAFF 2013





ARKIB NEGARA MALAYSIA  
NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA

# Profil Arkib Negara Malaysia

*Profile of the National Archives of Malaysia*



# Profil Arkib Negara Malaysia

## Profile of the National Archives Of Malaysia

TAHUN / YEAR	PERISTIWA / EVENTS
1 Disember 1957 1 December 1957	Public Records Office ditubuhkan. Tuan Haji Mubin Sheppard dilantik sebagai <i>Keeper of Public Records</i> . <i>Public Records Office was established. Tuan Haji Mubin Sheppard was appointed as the Keeper of Public Records.</i>
1 Februari 1961 1 February 1961	Mula menduduki Bangunan Persekutuan di Petaling Jaya <i>Assumed occupancy of the Federal Building in Petaling Jaya</i>
November 1962 November 1962	Dr. F.R.J. Verhoeven, pakar arkib dari UNESCO menggantikan Tuan Haji Mubin Sheppard. <i>Dr. F.R.J. Verhoeven, UNESCO archival expert, replaced Haji Mubin Sheppard.</i>
1963 1963	<i>Public Records Office</i> ditukar nama kepada Jabatan Arkib Negara Malaysia. <i>Public Records Office was renamed Department of National Archives.</i>
15 Februari 1966 15 February 1966	Encik Alwi Jantan dilantik sebagai Pengarah Arkib Negara Malaysia menggantikan Dr. F.R.J. Verhoeven. <i>Mr Alwi Jantan was appointed as Director of National Archives to replace Dr. F.R.J. Verhoeven.</i>
31 Ogos 1966 31 August 1966	Akta Arkib Negara No. 44/1966 dikuatkuasakan. <i>National Archives Act No. 44/1966 was enforced.</i>
31 Ogos 1966 31 August 1966	Satu bahagian baru iaitu Perkhidmatan Perpustakaan Negara ditubuhkan. <i>A new division was established, known as the National Library Services.</i>
5 Disember 1966 5 December 1966	Bangunan Pusat Urusan Rekod dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Tun Abdul Razak. <i>The Centre of Records Management building was inaugurated by the Deputy Prime Minister, YAB Tun Abdul Razak.</i>
20 Julai 1967 20 July 1967	Lembaga Penasihat Arkib Negara yang dianggotai oleh 5 orang ahli dibentuk. <i>National Archives Advisory Board consisting of 5 members was formed.</i>
11 Julai 1968 11 July 1968	Majlis Arkib Antarabangsa Cawangan Rantau Asia Tenggara (SARBICA) ditubuhkan. Pengarah Arkib Negara Malaysia dilantik sebagai Pengerusi. Sekretariat dan Setiausaha adalah Arkib Negara. <i>Southeast Asia Regional Branch of International Council on Archives (SARBICA) was established. The Director of National Archives of Malaysia appointed as Chairman. The National Archives of Malaysia was the Secretariat and the Secretary.</i>
15 Julai 1968 15 July 1968	Mesyuarat pertama Lembaga Penasihat diadakan. <i>The Advisory Board held its first meeting.</i>
1969 1969	Senarai Penerimaan Arkib Negara Malaysia (1957-1967) yang lengkap diterbitkan buat kali pertama dalam masa 10 tahun. <i>A complete National Archives of Malaysia Accession List (1957-1967) was published for the first time in 10 years.</i>
1971 1971	Jawatan Pengarah ditukar kepada Ketua Pengarah dan nama jabatan ditukar kepada Jabatan Arkib Negara dan Perpustakaan Negara. <i>The post of Director was altered to the Director General and the department's name renewed to the Department of National Archives and National Library.</i>
Mei 1972 May 1972	Pejabat cawangan pertama iaitu Pejabat Wilayah Selatan ditubuhkan di Johor Bahru. <i>The first branch office, the Southern Regional Branch Office, was established in Johor Bahru.</i>
19 Februari 1973 19 February 1973	Encik Saad Marzuki dilantik sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. <i>Mr. Saad Marzuki was appointed as the Director General of the National Archives of Malaysia.</i>
1 Julai 1976 1 July 1976	Pejabat Cawangan Sarawak ditubuhkan. <i>Sarawak Branch Office was established.</i>
1977 1977	Puan Zakiah Hanum dilantik memangku jawatan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. <i>Ms. Zakiah Hanum appointed as Acting Director General of the National Archives of Malaysia.</i>

# Profil Arkib Negara Malaysia

## Profile of the National Archives Of Malaysia

TAHUN / YEAR	PERISTIWA / EVENTS
12 Nov 1977 12 Nov 1977	Peletakan batu asas Bangunan Arkib Negara Malaysia di Jalan Duta. <i>Laying the foundation stone for the National Archives of Malaysia's Building in Jalan Duta.</i>
15 April 1978 15 April 1978	Pejabat Cawangan Timur ditubuhkan di Terengganu dan bertanggungjawab ke atas rekod-rekod di negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu. <i>The Eastern Branch office was established in Terengganu and is responsible for the records in the states of Pahang, Kelantan and Terengganu.</i>
1979 1979	Logo rasmi Arkib Negara Malaysia dipilih dalam satu pertandingan mencipta logo Arkib Negara. Logo ini direka oleh En. Sumali Amat. <i>The official logo of the National Archives of Malaysia has been chosen from a logo creation contest. This logo was designed by Mr. Sumali Amat.</i>  Pelancaran Projek Panduan Bahan-bahan Sejarah Asia iaitu projek pengumpulan maklumat yang komprehensif mengenai bahan-bahan sejarah di Asia – usahasama UNESCO dan ICA. <i>The Launching of Guidelines on the Sources of Asian History Project – a comprehensive collection of information on historical materials in Asia; a joint venture of UNESCO and International Council on Archives (ICA).</i>
1 Mac 1979 1 March 1979	Pejabat Cawangan Utara ditubuhkan di Kedah dan bertanggungjawab ke atas rekod-rekod di negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. <i>The Northern Branch office was established in Kedah and is responsible for the records in the states of Penang, Kedah and Perlis.</i>
16-25 Nov 1979 16-25 Nov 1979	Minggu Arkib Antarabangsa diadakan di seluruh dunia. Arkib Negara Malaysia merayakan minggu tersebut dengan tema 'Arkib – Warisan Negara'. <i>International Archives Week was held around the world. National Archives of Malaysia celebrated the week with the theme 'Archives - National Heritage'.</i>
1980 1980	Puan Zakiah Hanum dilantik sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. <i>Ms. Zakiah Hanum was appointed as the Director General of the National Archives of Malaysia.</i>
6 Mei 1982 6 May 1982	Perasmian bangunan Pustaka Tun Abdul Razak (PINTAR). <i>The official opening of the Tun Abdul Razak Memorial (PINTAR).</i>
22 November - 4 Disember 1982 22 November - 4 December 1982	Persidangan Meja Bulat Arkib Antarabangsa (ICA) yang ke-21 diadakan di Malaysia. <i>The 21<sup>st</sup> Round Table Conference of the International Council on Archives (ICA) was held in Malaysia.</i>
1 Disember 1982 1 December 1982	Perasmian bangunan Arkib Negara Malaysia di Jalan Duta oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ahman Shah. <i>The inauguration of the National Archives of Malaysia in Jalan Duta by His Majesty DYMM Seri Paduka Baginda the Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ahmad Shah.</i>
31 Ogos 1985 31 August 1985	Perasmian Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan di Melaka. <i>Inauguration of the Proclamation of Independence Memorial in Malacca.</i>
22 Mac 1986 22 March 1986	Perasmian Pustaka Peringatan P. Ramlee di Setapak. <i>The official opening of P. Ramlee Memorial in Setapak.</i>
13 November 1986 13 November 1986	Pusat Rekod Pulau Pinang ditubuhkan. <i>Penang Records Center was established.</i>
1 Februari 1987 1 February 1987	Pusat Rekod Kelantan ditubuhkan. <i>Kelantan Records Center was established.</i>
13 Disember 1991 13 December 1991	Rumah Kelahiran P. Ramlee dirasmikan. <i>P. Ramlee's Birthplace was officially opened.</i>
30 Oktober 1992 30 October 1992	Pustaka Perkhidmatan Awam ditubuhkan dan dibuka kepada orang ramai pada 1 Julai 1995. <i>The Civil Services Library was founded and opened to the public on 1 July, 1995.</i>

# Profil Arkib Negara Malaysia

## Profile of the National Archives Of Malaysia

TAHUN / YEAR	PERISTIWA / EVENTS
20 Disember 1992 20 December 1992	Rumah kelahiran Tun Mahathir Mohamad dirasmikan oleh YB Dato' Sabbaruddin Chik, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. <i>Tun Mahathir Mohamad's Birthplace was officially opened by YB Dato' Sabbaruddin Chik, Minister of Culture, Arts and Tourism.</i>
1 Januari 1993 1 January 1993	Cawangan Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan diwujudkan. <i>The Planning, Research and Development Branch was established.</i>
25 Mei 1993 25 May 1993	Memenangi Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam melalui formula baru Penyediaan Larutan Pengenyahan Asid. <i>Won the Public Services Innovation Award for the new formula in the Preparation of Deacidification Solution.</i>
1 Oktober 1993 1 October 1993	Pejabat Cawangan Perak ditubuhkan. <i>Perak Branch Office was established.</i>
10 November 1994 10 November 1994	Perasmian Memorial Tunku Abdul Rahman. <i>Inauguration of Tunku Abdul Rahman Memorial.</i>
1 November 1995 1 November 1995	Pn. Habibah Zon dilantik sebagai Ketua Pengarah ANM. <i>Ms. Habibah Zon was appointed the Director General of National Archives of Malaysia.</i>
1 Mac 1996 1 March 1996	Kerajaan meluluskan penubuhan Pustaka Wira Negara dan beroperasi pada 1997. <i>The government approved the founding of the National Heroes Library which commenced operation in 1997.</i>
9 Januari 1997 9 January 1997	Pelancaran Laman Web Arkib Negara Malaysia. <i>Launching the National Archives of Malaysia's Website.</i>
1 Mac 1997 1 March 1997	Kemudahan internet dan e-mel digunakan di Arkib Negara Malaysia. <i>Internet and e-mail facilities made available in the National Archives of Malaysia.</i>
3 Mei 1997 3 May 1997	Sistem maklumat Bersepadu Arkib Negara (COMPASS) dan Surat Pekeliling Am Bil. 1/97 dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Negara. <i>The Chief Secretary to the Government launched the Computerised Archival System and Services (COMPASS) and the General Circular Letter No. 1/97.</i>
1 Disember 1998 1 December 1998	HIDS (Hari Ini dalam Sejarah) Online dirasmikan. <i>Today in History Online was officially launched.</i>
Mei 1999 May 1999	Cawangan Dasar Rekod Elektronik diwujudkan. <i>The branch for Electronic Records Policy was established.</i>
1999 1999	Bangunan Menara Ilmu didirikan. <i>The building known as the Menara Ilmu was constructed.</i>
April 2000 April 2000	Arkib Negara Malaysia peroleh pengiktirafan MS 9002 : 1994. <i>National Archives of Malaysia earned the MS 9002: 1994 recognition.</i>
1 Oktober 2000 1 October 2000	Penstrukturan Organisasi Arkib Negara. <i>Organisational restructuring of the National Archives.</i>
22 Mac 2002 22 March 2002	Perasmian pembukaan semula Pustaka Peringatan P. Ramlee. <i>Official reopening of the P. Ramlee Memorial.</i>
28 Januari 2003 28 January 2003	Majlis Peletakan Batu Asas Bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Sabah. <i>The Foundation Stone Laying Ceremony for building of the National Archives of Malaysia, Sabah Branch.</i>

# Profil Arkib Negara Malaysia

## Profile of the National Archives Of Malaysia

TAHUN / YEAR	PERISTIWA / EVENTS
18 Februari 2003 18 February 2003	Majlis Menandatangani Kontrak Perjanjian Projek Pemeliharaan Rekod Elektronik di Sektor Awam (e-SPARK). <i>The Agreement Signing Ceremony for the Preservation of Electronic Records in Public Sector (e-SPARK) Project.</i>
6 Mei 2003 6 May 2003	Majlis Perasmian Bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah dan Perlis. <i>Official Opening of the National Archives of Malaysia, Kedah and Perlis Branch.</i>
19 Jun 2003 19 June 2003	Pn. Hajah Rahani Jamil dilantik sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. <i>Ms. Hajah Rahani Jamil was appointed as the Director General of the National Archives of Malaysia.</i>
10 Oktober 2003 10 October 2003	Akta Arkib Negara Malaysia 2003 (Akta 629) dikuatkuasakan. <i>National Archives of Malaysia Act 2003 (Act 629) was enforced.</i>
20 Disember 2003 20 December 2003	Pelancaran Galeria Sri Perdana. <i>The launch of Sri Perdana Galleria.</i>
15 Julai 2004 15 July 2004	Majlis Perasmian Arkib Negara Malaysia Cawangan Melaka. <i>Official Opening of the National Archives of Malaysia, Malacca Branch.</i>
9 Oktober 2004 9 October 2004	Arkib Negara Malaysia memperolehi Sijil MS ISO 9001 : 2000 (Perolehan & Pemeliharaan Fail-fail Rasmi Kerajaan). <i>National Archives of Malaysia earned the MS ISO 9001: 2000 Certificate (Acquisition &amp; Preservation of Official Government Files).</i>
11 Oktober 2004 11 October 2004	Pelaksanaan sepenuhnya Sistem GOE-egdms ( <i>Generic Office Environment – electronic government document management system</i> ) di Arkib Negara Malaysia. <i>Full implementation of GOE-egdms System (Generic Office Environment – electronic government document management system) at the National Archives of Malaysia.</i>
10 Februari 2006 10 February 2006	Perasmian Memorial Tun Hussein Onn dan Pelancaran Buku Tun Hussein Onn – Bapa Perpaduan. <i>Inauguration of Tun Hussein Onn Memorial and Book Launch – ‘Bapa Perpaduan’ (Father of Unity).</i>
13 April 2006 13 April 2006	Perasmian Bangunan Baru Arkib Negara Malaysia Cawangan Sabah. <i>Inauguration of National Archives of Malaysia, Sabah’s Branch new building.</i>
15 April 2006 15 April 2006	Pelantikan Tuan Haji Mohamed Zawawi Abdullah sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara. <i>Mr. Haji Mohamed Zawawi Abdullah appointed as the Director General of the National Archives of Malaysia.</i>
2007 2007	Arkib Negara Malaysia menyambut Sambutan Jubli Emas sempena 50 Tahun penubuhannya. <i>National Archives of Malaysia celebrated its Golden Jubilee commemorative of 50 Years of its inception.</i>
1 Julai 2007 1 July 2007	Pelantikan Encik Sidek Jamil sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. <i>Mr Sidek Jamil was appointment as the Director General of the National Archives of Malaysia.</i>
31 Oktober 2007 31 October 2007	Persaraan wajib Encik Sidek Jamil sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. <i>Mr Sidek Jamil official retirement as Director General of the National Archives of Malaysia.</i>
1 November 2007 1 November 2007	Encik Sidek Jamil dilantik menjadi Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia secara kontrak. <i>Mr Sidek Jamil was appointed as Director General of the National Archives of Malaysia on contractual basis.</i>
5-6 November 2007 5-6 November 2007	Konvensyen Pengurusan Rekod Peringkat Kebangsaan julung kali diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya dan telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara. <i>National Level Convention on Records Management held for the first time at the Putrajaya International Convention Centre and was officiated by the Chief Secretary to the Government.</i>

# Profil Arkib Negara Malaysia

## Profile of the National Archives Of Malaysia

TAHUN / YEAR	PERISTIWA / EVENTS
1 Disember 2007 1 December 2007	Sambutan Hari Arkib Negara Malaysia ke 50. <i>The 50<sup>th</sup> celebration of the National Archives of Malaysia Day.</i>
31 Mac 2008 31 March 2008	Penyerahan Galeri Tun Ghafar Baba kepada Arkib Negara Malaysia. Majlis penyerahan telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah Arkib Negara, En. Sidek Jamil dan YBhg. Datuk Wira Haji Hamdin Abdullah mewakili PERZIM. <i>Entrusting the Tun Ghafar Baba Gallery to the National Archives of Malaysia. The handover ceremony was signed by the Director General of the National Archives of Malaysia, Mr. Sidek Jamil and YBhg. Datuk Wira Haji Abdullah Hamdin representing PERZIM</i>
21-27 Julai 2008 21-27 July 2008	Kongres Majlis Arkib Antarabangsa (ICA) kali ke 16 diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dan telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Haji Mohd Shafie Haji Apdal. <i>The 16th Congress of the International Council on Archives (ICA) was held in Kuala Lumpur Convention Centre and was officiated by YB Dato' Seri Haji Mohd Shafie Haji Apdal.</i>  Ketua Pengarah Arkib Negara, En. Sidek Jamil menjadi individu pertama dari Asia Tenggara dilantik sebagai Fellow Majlis Arkib Antarabangsa (ICA) sepanjang hayat pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM). <i>The Director General of the National Archives, Mr. Sidek Jamil, became the first individual from Southeast Asia chosen as Lifetime Fellow of the International Council on Archives (ICA) at the Annual General Meeting.</i>
Januari 2009 January 2009	Program Mengenang Tokoh Negarawan dimulakan dan menjadi program tahunan Arkib Negara Malaysia. Program ini diadakan bagi mengenang sumbangan bekas-bekas Perdana Menteri Malaysia kepada Negara. <i>Commemorating the Statesmen Programme was initiated and became an annual programme of the National Archives of Malaysia. The programme aims to acknowledge the contributions of former Prime Ministers of Malaysia to the Nation.</i>
1 Februari 2009 1 February 2009	Penstrukturan semula Jabatan Arkib Negara berdasarkan Waran Perjawatan Bil. S 25 Tahun 2009. <i>Restructuring of the National Archives Department premised on the Establishment Warrant No. S 25 Year 2009.</i>
31 Julai 2009 31 July 2009	Arkib Negara Malaysia memenangi Anugerah UNESCO 'Jikji Memory of the World Prize' dan menerima hadiah bernilai USD 30,000.00. <i>National Archives of Malaysia won the UNESCO 'Jikji Memory of the World Prize' Award and received a USD 30,000.00 prize.</i>
17 Disember 2009 17 December 2009	Penyerahan bangunan Pusat Pendokumentasian dan Pemuliharaan Bahan-bahan Pandang Dengar Negara (PPPAV) yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya, YBhg. Dato' Sri Ir Dr Judin Abdul Karim kepada Ketua Pengarah Arkib Negara, YBhg. Dato' Haji Sidek Haji Jamil. <i>Handing over the National Centre for Documentation and Conservation of Audio Visual Materials (PPPAV) by the Director General of Public Works Department, YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin Abdul Karim to the Director General of the National Archives of Malaysia, YBhg. Dato' Haji Sidek Haji Jamil.</i>
25 - 30 April 2010 25 - 30 April 2010	Arkib Negara Malaysia menjadi tuan rumah Bengkel ASEAN Emergency Response and Recovery Team For Records. <i>National Archives of Malaysia hosted the ASEAN Emergency Response and Recovery Team For Records Workshop.</i>
27 September 2010 27 September 2010	Arkib Negara Malaysia menjadi tuan rumah Persidangan SARBICA ke 17 di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur. Persidangan telah dirasmikan oleh Menteri KPKK, YB Dato' Seri Utama Dr Rais Yatim. <i>National Archives of Malaysia hosted the 17<sup>th</sup> SARBICA Conference at Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur. The conference was inaugurated by the MICC Minister, YB Dato' Seri Utama Dr Rais Yatim.</i>
5 Oktober 2010 5 October 2010	Tamat kontrak YBhg. Dato' Haji Sidek Jamil sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. <i>End of contract YBhg. Dato' Haji Sidek Jamil as the Director General of National Archives of Malaysia.</i>
6 Oktober 2010 6 October 2010	Pelantikan Dr Hajah Samsiah Muhamad sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara. <i>Dr Hajah Samsiah Muhamad appointed as the Director General of the National Archives of Malaysia.</i>

# Profil Arkib Negara Malaysia

## Profile of the National Archives Of Malaysia

TAHUN / YEAR	PERISTIWA / EVENTS
<p>11 November 2010</p> <p>11 November 2010</p>	<p>Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia diberi penarafan 5 Bintang serta berada di tangga ke-5 keseluruhan melalui Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2010 oleh Multimedia Development Corporation (MDEC).</p> <p><i>The National Archives of Malaysia Official Portal was awarded 5 star and was ranked 5<sup>th</sup> overall by Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2010 as conducted by the Multimedia Development Corporation (MDEC).</i></p>
<p>3 Januari 2011</p> <p>3 January 2011</p>	<p>Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang memulakan operasi.</p> <p><i>National Archives of Malaysia Pahang Branch commenced operations.</i></p>
<p>25 – 28 Mac 2011</p> <p>25 – 28 March 2011</p>	<p>Seminar Pemantapan Profesionalisme, Transformasi Budaya Kerja dan Pemikiran Pegawai Arkib diadakan di The Legend Resort, Cherating, Pahang. Seminar diadakan selaras dengan penstrukturan semula Arkib Negara pada Februari 2009.</p> <p><i>Seminar on Strengthening Professionalism, Transformation of Work Culture and Thinking for Archivists held at The Legend Resort, Cherating, Pahang. Seminar held in conjunction with the restructuring exercise of the National Archives of February 2009.</i></p>
<p>30 April 2011</p> <p>30 April 2011</p>	<p>Sejumlah besar rekod-rekod penting Negeri Pahang (122,518 fail) dipindahkan dari Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu ke Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang melalui Operasi 'Sireh Pulang Ke Gagang'. Operasi diilhamkan oleh Allahyarham Tuan Haji Abu Rahman Ahmad, Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelarasan.</p> <p><i>A large number of important Pahang State records (122.518 files) are transferred from the National Archives of Malaysia to the Pahang Branch via the 'Sireh Pulang Ke Gagang' Operation, which was inspired by the late Mr. Haji Abu Rahman Ahmad, Director of Planning and Coordination.</i></p>
<p>5 Mei 2011</p> <p>5 May 2011</p>	<p>Arkib Negara Malaysia dipilih sebagai Rakan Integriti oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) menjadikan Arkib Negara sebagai agensi pertama di bawah KPKK yang menerima penghormatan ini.</p> <p><i>National Archives of Malaysia was selected as Integrity Partner by the Malaysian Institute of Integrity (IIM), making the National Archives of Malaysia as the first agency under MICC to receive such honour.</i></p>
<p>6 – 10 Jun 2011</p> <p>6 – 10 June 2011</p>	<p>Arkib Negara Malaysia menjadi tuan rumah kepada 15<sup>th</sup> SEAPAVAA Conference and General Assembly.</p> <p><i>National Archives of Malaysia hosted the 15<sup>th</sup> SEAPAVAA Conference and General Assembly.</i></p>
<p>23 Jun 2011</p> <p>23 June 2011</p>	<p>KDYMM Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam merasmikan bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang.</p> <p><i>The National Archives of Malaysia, Pahang Branch was inaugurated by HRH The Sultan of Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam.</i></p>
<p>19 September 2011</p> <p>19 September 2011</p>	<p>Persaraan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad daripada perkhidmatan awam.</p> <p><i>National Archives of Malaysia Director General YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad retired from the public service.</i></p>
<p>27 September 2011</p> <p>27 September 2011</p>	<p>Arkib Negara Malaysia menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara bagi Tahun 2010 sempena Hari Audit Se-Malaysia 2011.</p> <p><i>National Archives of Malaysia was conferred the Financial Management Excellence Award by way of Accountability Index of the National Audit Department for the year 2010 in conjunction with the Malaysian Audit Day 2011.</i></p>

# Profil Arkib Negara Malaysia

## Profile of the National Archives Of Malaysia

TAHUN / YEAR	PERISTIWA / EVENTS
1 Disember 2011	Sambutan Hari Arkib Negara Malaysia ke 54. <i>The 54<sup>th</sup> Celebration of the National Archives Day.</i>
1 December 2011	Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia sekali lagi diberi penarafan 5 Bintang yang diterima daripada <i>Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2011.</i> <i>The National Archives of Malaysia Official Portal was again awarded 5 Star rating from Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2011.</i>
1 Februari 2012 1 February 2012	Pelantikan Dato' Hajah Daresah Haji Ismail sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. <i>Dato' Hajah Daresah Haji Ismail was appointed as the Director General of the National Archives of Malaysia.</i>
18 – 21 Jun 2012 18 – 21 June 2012	Arkib Negara Malaysia menganjurkan Seminar 'Transformasi Pengurusan Rekod Sektor Awam – Ke Arah Penerapan Budaya Kerja Persekitaran Rekod Elektronik' sebagai usaha melaksanakan fungsi asasnya sebagai peneraju pengurusan rekod di sektor awam. <i>National Archives of Malaysia organised 'The Public Sector Records Management Transformation - Towards Inculcating Work Culture in Electronic Records Environment' Seminar as an effort to implement its central function as the spearhead of records management in the public sector.</i>
30 Nov- 9 Dis 2012 30 Nov- 9 Dec 2012	Sambutan 55 Tahun Arkib Negara Malaysia. Sambutan diadakan selama seminggu dengan dimulainya dengan Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil, Hari Keluarga Arkib Negara, Malam Warna Warni Arkib Negara dan Majlis Perasmian Sambutan 55 Tahun Arkib Negara pada 3 Disember 2012 yang disempurnakan oleh Menteri KPPK, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim. Seterusnya Lawatan Berpandu dan Hari Bertemu Pelanggan, Majlis Penyerahan dan Perasmian Mesin Bio Master, Majlis Pengkisahan Sejarah Malay Agricultural Settlement dan program Kembara Arkib Bersama Masyarakat. <i>The 55<sup>th</sup> Year of the National Archives of Malaysia Celebration held for a week and commenced with Yasin Recitation and Tahlil ceremony, National Archives Family Day, National Archives 'Malam Warna Warni' and the Opening Ceremony of the 55<sup>th</sup> Year Celebration of the National Archives on 3 December, 2012 officiated by the Minister of MICC, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim. Subsequent events included Guided Tour and Meet the Clients Day, Handover Ceremony and Officiating the use of Bio Master Machine, The Malay Agricultural Settlement Historical Narration Ceremony and Archives Expedition Programme with community.</i>
2013	Arkib Negara Malaysia dibawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan Menteri baru. <i>National Archives of Malaysia settled under the Ministry of Tourism and Culture and a new Minister.</i>
2013	Portal rasmi Arkib Negara Malaysia dapat 5 bintang dalam penilaian portal/laman web kerajaan atau Malaysian Government Portal Website Assessment (MGPWA) oleh Malaysia Development Corporation (MDec). <i>The National Archives of Malaysia Official Portal received 5 Star rating under Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) conducted by Multimedia Development Corporation (MDec).</i>



ARKIB NEGARA MALAYSIA  
NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA

# Bahagian Khidmat Pengurusan

## *Management Services Division*



# Bahagian Khidmat Pengurusan

## Management Services Division

### PROFIL

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) bertanggungjawab merancang, merangka, mengemaskini dasar/ peraturan berkaitan urusan pentadbiran, kewangan, pembangunan sumber manusia, program latihan, projek-projek pembangunan, pengurusan maklumat (ICT) dan HRMIS. Terdapat empat Seksyen yang dipertanggungjawabkan melaksanakan program-program bahagian iaitu Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Seksyen Sumber Manusia, Seksyen Pembangunan dan Pengurusan Aset serta Seksyen Teknologi Maklumat.

Seksyen Pentadbiran dan Kewangan bertanggungjawab melaksanakan aktiviti-aktiviti sokongan, merangkumi aspek-aspek berkaitan pentadbiran, keselamatan, keurusetiaan bagi Mesyuarat Pengurusan Jabatan, Mesyuarat Keselamatan dan Kesihatan serta perkara-perkara berkaitan dengan kebajikan pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia. Manakala Unit Kewangan pula bertanggungjawab dalam segala urusan kewangan termasuklah urusan bayaran, terimaan, perakaunan dan peruntukan.

### PROFILE

The Management Services Division (BKP) is responsible for planning, designing, updating policies/ procedures related to matters of administration, finance, human resource development, training programmes, development projects, management of information and communication technology (ICT) and HRMIS. There are four sections responsible for implementing the division's programmes viz the Administration and Finance Section, Human Resources Section, Asset Management and Development Section and Information Technology Section.

Administration and Finance Section is responsible for implementing support activities, including aspects relating to the administration, security, secretariat for the Departmental Management meetings, Health and Safety Meetings and matters related to the welfare of all the National Archives of Malaysia officers and staff. The Finance Unit is responsible for all financial matters, including payment transactions, receipts, accounting and allocation.



Ketua Pengarah, Dato' Hajah Daresah Haji Ismail (duduk lima dari kiri); Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pengembangan), Encik Azemi Abdul Aziz (duduk empat dari kiri); Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pengurusan), Puan Faridah Ishak (duduk lima dari kanan) dan Pengarah-pengarah Bahagian bersama penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012 dan 25 Tahun Perkhidmatan.

Director General, Dato' Hajah Daresah Haji Ismail (seated fifth from left); Deputy Director General (Research and Development), Encik Azemi Abdul Aziz (seated fourth from left) Deputy Director (Planning and Management), Puan Faridah Ishak (seated fifth from right) and Divisional Directors with recipients of 2012 Outstanding Service Award and 25 Years Service.



Para Peserta ketika Kursus Kebakaran yang diadakan di Arkib Negara Malaysia.

Participants during Fire Course held at National Archives of Malaysia.

Seksyen Sumber Manusia dipertanggungjawabkan mengendalikan urusan berkaitan aktiviti-aktiviti pembangunan sumber manusia merangkumi kajian pementapan organisasi (perjawatan), perancangan kerjaya dan latihan, peperiksaan jabatan, urusan perkhidmatan termasuk elaun dan kemudahan pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia.

Seksyen Pembangunan dan Pengurusan Aset bertanggungjawab merancang dan memantau segala projek pembangunan fizikal serta menjalankan kerja-kerja penyelidikan berkaitan dengan pembangunan dan pengembangan jabatan. Seksyen ini juga bertanggungjawab dalam merancang, mengenalpasti dan menguruskan pemerolehan tanah, bangunan dan peralatan serta penggunaan peruntukan pembangunan jabatan dengan cekap dan efisien. Dari aspek pengurusan aset, sekisyen ini bertanggungjawab dalam menguruskan keselamatan fizikal harta, bangunan dan aset serta pengurusan pelupusan aset jabatan.

Seksyen Teknologi Maklumat bertanggungjawab melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi bagi Arkib Negara Malaysia berdasarkan polisi dan dasar yang telah dibangunkan. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah pembangunan aplikasi baru berdasarkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat dan keperluan pengguna, penyelenggaraan aplikasi COMPASS, penyelenggaraan aplikasi dalaman Arkib Negara Malaysia iaitu *Helpdesk*, Sistem Aduan Bangunan, Blog Ketua Pengarah, laman web Komuniti Rekod, laman web SARBICA, penyediaan infrastruktur ICT dan khidmat sokongan ICT. Seksyen ini juga melaksanakan tugas perantaraan antara Arkib Negara Malaysia dengan kementerian dan agensi pusat yang bertanggungjawab bagi sistem aplikasi kerajaan elektronik dan memastikan penggunaan aplikasi HRMIS berada di tahap maksimum.

*Human Resources Section is responsible for conducting all activities related to human resource development, which include the study on augmenting the organisation (staffing), career planning and training, departmental examination, service matters for officers and staff of the National Archives of Malaysia including allowances and amenities.*

*Asset Management and Development Section is responsible for planning and monitoring all physical development projects as well as carrying out research work related to the development and expansion of the department. This section is also responsible for planning, identifying and managing the acquisition of land, buildings and equipment and the competent and efficient use of the department's development allocations. With regard to asset management, this section is responsible for managing the physical security of the property, building and asset management as well as the disposal of assets of the department.*

*Information Technology Section is responsible for implementing the activities related to Information Technology and Communications for the National Archives of Malaysia based on the policies and fundamentals that have been developed. These activities include the development of new applications based on the Information Technology Strategic Plan and the needs of users, the COMPASS application maintenance, the National Archives of Malaysia inhouse application maintenance such as Helpdesk, Building Complaint System, Director General Blog, Community Records website, SARBICA website, provisions for ICT infrastructure and ICT support services. This section also perform as mediator between the National Archives of Malaysia with ministries and central agencies responsible for the electronic government applications system and ensuring the maximum use of HRMIS application.*



## PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

### Projek Pembangunan

Sebanyak RM17,050,594.00 telah diperuntukan untuk lima projek pembangunan dan telah membelanjakan sebanyak RM14,550,884.92 (85.3%). Peruntukan ini digunakan bagi membiayai projek menaiktaraf bangunan Arkib Negara Malaysia, Memorial Negarawan, Perolehan Bahan Arkib, Kajian Penyelidikan dan Kedaulatan dan Persempadanan Negara, NKEA CCI: *My Creative Content*.

### Perjawatan

Senarai Perjawatan Arkib Negara Malaysia Tahun 2013 telah diluluskan berjumlah 588 perjawatan, termasuk di semua Arkib Negara Cawangan Negeri. Kedudukan perjawatan mengikut pecahan perjawatan sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

## ANNUAL ACTIVITIES HIGHLIGHTS


### Development Projects

A total of RM17,050,594.00 was allocated to five projects and a total of RM14,550,884.92 (85.3%) was spent. The allocation was used to finance the building upgrading project of the National Archives of Malaysia, Statesmen Memorials, Acquisition of Archival Materials, Studies on Research of National Sovereignty and Boundaries, NKEA CCI: *My Creative Content*.

### Establishment

A total of 588 posts were approved for the Establishment List of National Archives of Malaysia in 2013, which encompasses State Branch Archives. The establishment position according to service division up to December 31, 2013 are as follows:

Carta Perjawatan / Establishment Chart



## Teknologi Maklumat

Pada tahun 2013, portal rasmi Arkib Negara Malaysia telah memperoleh pencapaian lima bintang dalam Penilaian Portal/ Laman Web Kerajaan atau Malaysian Government Portal Website Assessment (MGPWA) yang dilakukan oleh Malaysian Development Corporation (MDec). Pencapaian ini merupakan pencapaian kali keempat berturut-turut semenjak tahun 2010.

Kejayaan mengekalkan prestasi ini adalah hasil daripada pewujudan dua jawatankuasa khas yang dibentuk bagi memastikan kandungan portal sentiasa dikemaskini dan dilengkapi dengan maklumat mengenai jabatan. Dua jawatankuasa tersebut adalah Jawatankuasa Kandungan Portal yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Pengembangan dan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Portal dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pengembangan) merangkap Ketua Pegawai Maklumat (CIO) Arkib Negara Malaysia.

Seksyen Teknologi Maklumat selaku pentadbir portal jabatan akan memastikan portal ini terus menjadi medium utama capaian maklumat sejarah Negara sejajar dengan visi Arkib Negara Malaysia iaitu menjadi Pusat Arkib dan penyelidikan Negara yang unggul.

## Information Technology

*In 2013, National Archives of Malaysia official portal was awarded a five-star rating in the Malaysian Government Portal Website Assessment (MGPWA) carried out by the Malaysian Development Corporation (MDec). This accomplishment were conferred to National Archives of Malaysia four times in a row since 2010.*

*The success of maintaining such performance is a result of the creation of two special committees, formed to ensure that the contents of the portal is constantly updated and efficiently equipped with information on the department. The two committees are Portal Content Committee chaired by the Director of Advocacy and Portal Management Committee chaired by the Deputy Director (Research and Development) cum Chief Information Officer (CIO) of the National Archives of Malaysia.*

*The Information Technology Section, as the portal administrator will ensure that the site continues to be the main medium for the nation's historical information access in line with the vision of the National Archives of Malaysia, which is to be the nation's premier Archives and Research Centre.*



Para Pegawai dan Kakitangan Arkib Negara Malaysia pada Perhimpunan Bulanan Jabatan.  
*The officers and staff of the National Archives at Monthly Assembly.*





ARKIB NEGARA MALAYSIA  
NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA

# Bahagian Perancangan & Penyelarasan

*Planning & Coordination Division*



# Bahagian Perancangan & Penyelarasan

## *Planning & Coordination Division*

### PROFIL

Bahagian Perancangan dan Penyelarasan (BPP) merupakan bahagian teras yang menyokong pelaksanaan fungsi dan tanggungjawab Arkib Negara Malaysia dalam menyediakan produk dan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan efektif kepada pelanggan. Bagi mencapai hasrat tersebut, bahagian ini adalah bertanggungjawab memastikan dasar, halatuju dan strategi Arkib Negara adalah mantap dan berkesan; pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan kearkiban dan pengurusan rekod berjalan dengan lancar serta mematuhi undang-undang, peraturan dan piawaian yang ditetapkan oleh Arkib Negara; dan pegawai dan kakitangan Arkib mempunyai tahap kompetensi dalam bidang pentadbiran arkib dan pengurusan rekod mengikut kesesuaian tempoh perkhidmatan. Pelaksanaan tanggungjawab tersebut direalisasikan melalui kerjasama erat semua seksyen di bawah Bahagian Perancangan dan Pengurusan iaitu Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti, Seksyen Konsultansi dan Latihan, Seksyen Inspektorat dan Seksyen Hubungan Antarabangsa.

Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti merupakan seksyen yang bertanggungjawab merancang, mengenalpasti keperluan dan menyelaras dasar, hala tuju, strategi, standard dan pengurusan kualiti jabatan. Dasar, hala tuju dan strategi jabatan telah diperkemas mengikut keperluan semasa. Bagi melonjakkan impak dan bidang keberhasilan jabatan dalam era yang serba mencabar, seksyen ini berusaha memantapkan profesion kearkiban dan transformasi yang diperlukan oleh warga jabatan.

Seksyen Konsultansi dan Latihan adalah seksyen yang bertanggungjawab memberi khidmat nasihat Pengurusan Rekod dan Pentadbiran Arkib melalui perundingan, perbincangan dan taklimat kepada Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan. Khidmat Perundingan Pengurusan Rekod adalah satu usaha yang dibuat bagi meningkatkan kecekapan pengurusan rekod awam ke arah urus tadbir perkhidmatan awam yang lebih baik dan juga memastikan pejabat awam dapat menguruskan rekod kerajaan dengan lebih efisien dan sistematik. Selaras dengan hasrat kerajaan yang menitikberatkan modal insan, seksyen ini berusaha meningkatkan kompetensi pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia dengan menyediakan jadual dan modul latihan ikhtisas dalam bidang pengurusan rekod dan pentadbiran arkib.

### Profile

*Planning and Coordination Division is the core division which supports the implementation of functions and responsibilities of the National Archives of Malaysia in providing efficient and effective product and service delivery to customers. To achieve such aspirations, the division is responsible for ensuring that the policies, directions and strategies of the National Archives are sound and effective; implementation of system for archives delivery services and records management are progressing smoothly and in compliance with the laws, regulations and standards set by the National Archives of Malaysia; and its officers as well as archival staff have a level of competency in areas of archives administration and records management appropriate to their length of service. The implementation of such responsibilities were realised through the close collaborations of all sections under the Planning and Management Division namely the Policy Section, Standards and Quality Management, Consultancy and Training Section, Inspectorate Section and the International Relations Section.*

*Policy, Standard and Quality Management Section is the section responsible for planning, identifying needs, as well as coordinating policies, directions, strategies, standards and quality management of the department. Departmental policies, directions and strategies have been streamlined according to current needs. In order to increase the impact and success of the department in this challenging era, this section strives to strengthen and transform the archival profession required by the department staff.*

*Consultation and Training Section is responsible for providing advisory services on Records Management and Archives Administration through consultations, discussions and talks the Ministries, Departments and Government Agencies. The Records Management Consultation Service is an effort made to improve the efficiency of public records management towards better public service governance and also ensuring that public offices will be able to manage government records more efficiently and systematically. In line with the aspirations of the government which place great emphasis on human capital, this section strives to enhance the competency of officers and staff of the National Archives of Malaysia by providing archival profession training course schedule and modules in the field of records management and archives administration.*



Encik Mohamad Zam bin Kedol memberi tunjuk ajar kepada peserta Kursus Pemuliharaan Rekod, 27-29 Ogos 2013.

Encik Mohamad Zam bin Kedol guiding the Records Conservation Course participants, 27-29 August 2013.

Seksyen Inspektorat adalah seksyen yang bertanggungjawab dalam melaksanakan audit pengurusan rekod di kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Audit pengurusan rekod merupakan usaha yang dibuat bagi memastikan rekod kerajaan yang merupakan dokumen bukti dan sumber maklumat dapat diurus dengan lebih sistematik dan teratur. Sebagai usaha dalam memartabatkan pengurusan rekod dalam perkhidmatan awam, bidang pengurusan rekod awam di jabatan dan agensi kerajaan dimantapkan lagi dengan memasukkan kriteria Pengurusan Rekod dalam Penilaian Penarafan Bintang. Penilaian ini dilaksanakan mulai tahun 2011 melalui kerjasama Arkib Negara Malaysia dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Selain itu, seksyen ini juga melaksanakan inspektorat syarikat atau pembekal perkhidmatan pengurusan rekod swasta yang memo untuk mendapatkan kelulusan pendaftaran Kod Bidang 221310 (Penyimpanan Rekod) dan 221311 (Membaik Pulih Terbitan dan Manuskrip).

Seksyen Hubungan Antarabangsa bertanggungjawab untuk mengenalpasti keperluan dan menyelaras program dan aktiviti ikhtisas antarabangsa serta menyediakan kertas-kertas cadangan projek kerjasama di bawah Program ASEAN COCI, UNESCO, ICA-PCOM dan sebagainya. Seksyen ini diberi tanggungjawab untuk menyelaras, menyedia dan menguruskan urusan menandatangani perjanjian/ memorandum kerjasama di antara Arkib Negara Malaysia dengan institusi-institusi Arkib atau yang berkaitan di peringkat antarabangsa. Seksyen ini juga terlibat dalam melaksanakan kerja-kerja keurusetiaan hal ehwal hubungan antarabangsa dengan badan dan pertubuhan ikhtisas kearkiban antarabangsa khususnya Majlis Arkib Antarabangsa (ICA), Majlis Arkib Antarabangsa Cawangan Asia Tenggara (SARBICA),

*The Inspectorate Section is responsible for implementing records management audit in government ministries, departments and agencies. Records management audit is the effort made to ensure that government records, which are evidence documents and source of information, can be managed in a more systematic and orderly manner. Public records management in government departments and agencies was further enhanced to include Records Management criteria Star Rating System. Assessments are carried out from 2011 through the collaboration between the National Archives of Malaysia and, the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU). In addition, this section also perform inspections on companies or private records management service providers who request for registration approval of subject Code 221310 (Record Storage) and 221311 (Restoration of Published Materials and Manuscripts).*

*International Relations Section is responsible for identifying needs and coordinating international professional programmes and activities by providing proposals papers on cooperation projects under the programmes of ASEAN COCI Programme, UNESCO, ICA-PCOM and others. This section is also responsible for coordinating, preparing and managing the signing the agreement/ memorandum of cooperation between the National Archives of Malaysia and other related archives institutions at international level. This section is also performs secretarial works for international relation affairs with professional bodies and international archival organisations, particularly International Council on Archives (ICA), Southeast Asia Regional Branch of International Council on Archives (SARBICA), Southeast Asia-Pacific Audio Visual Archives Association (SEAPAVAA),*



*Southeast Asia-Pacific Audio Visual Archives Association (SEAPAVAA), ACRAM dan sebagainya. Selain itu, seksyen ini bertanggungjawab dalam menyelaras dan menguruskan lawatan/ penempatan serta menghantar Pegawai/ kakitangan Arkib Negara Malaysia ke luar Negara serta menerima kunjungan delegasi dari Luar Negara ke Arkib Negara Malaysia.*

## **PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN**

### **Konsultasi dan Latihan**

Sepanjang tahun 2013, sejumlah 180 sesi lawatan konsultasi dan lima sesi Klinik Konsultasi Pengurusan Rekod telah diadakan. Seksyen juga telah memperakukan sebanyak 634 pelantikan Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ). Bagi meningkatkan kompetensi PRJ dan PTRJ yang dilantik dalam menguruskan rekod, sebanyak 17 sesi Kursus Pengurusan Rekod Peringkat Asas dan Kursus Peringkat Lanjutan dan tiga sesi Kursus Pemuliharaan Rekod telah dilaksanakan. Sejumlah 127 Kursus Pengurusan Rekod yang diadakan secara dalaman di pelbagai Kementerian/ Jabatan/ Agensi kerajaan juga telah dilaksanakan.

Seksyen Konsultasi dan Latihan juga telah melaksanakan sebanyak 15 kursus/ bengkel kepada pegawai/ kakitangan Arkib Negara Malaysia serta melaksanakan "Seminar Pemantapan Profesion Pegawai Arkib: Ke Arah Persiapan Pegawai Arkib Kader" pada 18 hingga 20 Januari 2013 di Awana Genting Highlands Golf and Country Resorts, Pahang dengan kerjasama Seksyen Sumber Manusia.

### **Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM)**

Antara aktiviti antarabangsa yang telah berjaya dilaksanakan adalah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM) yang telah diadakan pada 25 November hingga 4 Disember 2013 dan melibatkan 18 orang peserta dari 13 buah Negara dengan menggunakan peruntukan sebanyak RM200,000.00.

*ACRAM and others. In addition, this section is responsible for coordinating and managing visits/ placements and sending officers/ staff of the National Archives of Malaysia abroad as well as receiving visits by delegates from overseas to the National Archives of Malaysia.*

## **ANNUAL ACTIVITIES HIGHLIGHTS**

### **Consultancy and Training**

*Throughout 2013, a total of 180 sessions of consultation visits and five sessions of Consultancy Clinic were held. This section also recommended the appointment of 634 Departmental Records Officers (PRJ) and Administrative Assistant Records Officers (PTRJ). In enhancing the competency of PTRJ and PRJ to manage records, a total of 17 sessions of Basic and Advanced Level Records Management Courses as well as three sessions of Record Conservation Courses were implemented. A total of 127 Records Management Courses were also held internally in various ministries/ departments/ agencies.*

*Through 2013, the Consultation and Training Section has conducted a total of 15 courses/ workshops to officers/ staff of the National Archives of Malaysia as well as carrying out "Archivists Professional Enhancement Seminar: Towards Qualifying Archivist Cadre" from the 18<sup>th</sup> to 20<sup>th</sup> January, 2013 at Awana Genting Highlands Golf and Country Resorts Pahang in collaboration with the Human Resources Section.*

### **Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)**

*Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) is one of National Archives of Malaysia successful international activities held on 25<sup>th</sup> November to 4<sup>th</sup> December, 2013 involving 18 participants from 13 countries and RM200,000.00 of the allocation were utilised.*



*Peserta Program Kerjasama Teknikal Malaysia bersama Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBhg. Dato' Hajah Daresah Haji Ismail (duduk tengah) dan sebahagian pengurusan atasan Arkib Negara selepas acara perasmian pada 29 November 2013*

*Malaysian Technical Cooperation Programme participants with the Director General of the National Archives, YBhg. Dato' Hajah Daresah Haji Ismail (seated centre) and some of the top management of the National Archives after the opening ceremony on 29 November 2013.*

Ahli-Ahli Lembaga Penasihat Arkib Negara Malaysia bergambar bersama Pengerusi Lembaga Penasihat Arkib Negara, YBhg. Datuk Raya Erom (empat dari kanan), Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, YBhg. Datuk Dr. Ong Hong Peng (tiga dari kiri) dan Ketua Pengarah Arkib Negara, YBhg. Dato' Hajah Daresah binti Hj. Ismail (tiga dari kanan). Mesyuarat ini telah diadakan di Arkib Negara Malaysia Cawangan Sabah pada 18 September 2013.

*Members of the National Archives' Advisory Board with the Chairman of the Advisory Board, the YBhg. Datuk Raya Erom (fourth from right), Secretary General of the Ministry of Tourism and Culture, YBhg. Datuk Dr. Ong Hong Peng (third from left) and the Director General of the National Archives, the YBhg. Dato' Hajah Daresah binti Hj. Ismail (third from right). Meeting held in the National Archives of Malaysia, Sabah Branch on 18 September 2013.*



## Mesyuarat Lembaga Penasihat Arkib Negara

Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti selaku urus setia kepada Lembaga Penasihat Arkib Negara Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Lembaga Penasihat Arkib Negara Malaysia Ke-44 pada 18 September 2013 di Arkib Negara Malaysia Cawangan Sabah. Mesyuarat telah dihadiri oleh YBhg. Datuk Raya Erom (Pengerusi), YBhg. Datuk Dr. Ong Hong Peng (Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia), YBhg. Dato' Daresah binti Hj. Ismail (Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia), YBhg. Tan Sri Dato' Hj. Alimuddin bin Hj. Mohd Dom, YBhg. Prof. Datuk Dr. Zainal bin Kling, YBhg. Prof. Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali dan YBrs. Puan Nor'aini binti Abdul Razak (Timbalan Pengarah Projek, Unit ePerolehan, Kementerian Kewangan Malaysia).

## MS ISO Arkib Negara

Selaku urus setia MS ISO Arkib Negara Malaysia, Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti telah mengadakan Bengkel Pindaan dan Pemantapan Dokumen Kualiti pada 18 April 2013 hingga 20 April 2013 dan disertai oleh 16 orang Pemilik Prosedur. Audit Kualiti Dalam Bil.1/2013 pula telah diadakan pada 13 hingga 23 Mei 2013. Disamping itu juga Arkib Negara telah

## Meetings of the Advisory Board of the National Archives

*The Policy, Standard and Quality Management Section as secretariat to the Advisory Board of the National Archives of Malaysia held the 44<sup>th</sup> National Archives of Malaysia Advisory Board Meeting on 18<sup>th</sup> September 2013 at the National Archives of Malaysia, Sabah Branch. The meeting was attended by YBhg. Datuk Raya Erom (Chairman), YBhg. Datuk Dr. Ong Hong Peng (Secretary General of the Ministry of Tourism and Culture), YBhg. Dato' Hajah Daresah binti Hj. Ismail (Director General of the National Archives of Malaysia), YBhg. Tan Sri Dato' Hj. Alimuddin bin Hj. Mohd Dom, YBhg. Prof. Datuk Dr. Zainal Bin Kling, YBhg. Prof. Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali and YBrs. Ms. Nor'aini binti Abdul Razak (Deputy Project Director, eProcurement Unit, Ministry of Finance, Malaysia).*

## National Archives MS ISO

*As the MS ISO secretariat for the National Archives of Malaysia, Policy, Standard and Quality Management Section organised Enhancement and Amendments of Quality Documents Workshop on 18<sup>th</sup> to 20<sup>th</sup> April 2013 and was attended by 16 Procedure Owners. This section also held Internal Quality Audit No.1/2013 on 13<sup>th</sup> to 23<sup>rd</sup> May 2013. In addition, National Archives of Malaysia was audited for MS ISO*

Ketua Pengarah ANM, YBhg. Dato' Hajah Daresah Haji Ismail, Pengarah-pengarah Bahagian dan Ketua-ketua Seksyen yang terlibat mendengar hasil penemuan yang dibentangkan oleh Juruaudit dari SIRIM QAS

*ANM Director General, YBhg. Dato' Hajah Daresah Haji Ismail, Directors and Heads of Sections involved engrossed with the findings presented by SIRIM QAS Auditor.*



diaudit bagi mendapatkan pensijilan semula MS ISO 9001:2008 oleh pihak SIRIM pada 22 hingga 23 Julai 2013. Arkib Negara telah berjaya mendapat pensijilan semula dengan tempoh sah laku yang diberikan oleh pihak SIRIM dari 10 September 2013 sehingga 9 September 2016.

### Inspektorat Pengurusan Rekod

Inspektorat pengurusan rekod telah bermula pada tahun 2009 selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(a), Akta Arkib Negara 2003 (629). Inspektorat ini dirancang dan dilaksanakan secara berkala di agensi kerajaan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Pada tahun 2013, inspektorat yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

9001: 2008 certification on 22<sup>nd</sup> to 23<sup>rd</sup> July 2013, and has again successfully attained certification with the validity period from 10 September 2013 until 9 September 2016 as sanctioned by SIRIM.

### Records Management Inspectorate

Records Management Inspectorate started in 2009 in accordance with the provisions of Section 7 (a) of National Archives of Malaysia Act 2003 (629). Inspectorate sessions are planned and implemented on a regular basis in government agencies based on predetermined criteria. In 2013, the implemented Inspectorate sessions were as follows:

BIL. NO.	PERKARA ARTICLE	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI / SYARIKAT (JUMLAH) MINISTRY / DEPARTMENT / AGENCY / COMPANY(TOTAL)	TEMPOH DURATION
1.	Inspektorat Pengurusan Rekod di Agensi Terpilih <i>Records Management Inspectorate in Selected Agencies</i>	72	Januari – November 2013 <i>January – November 2013</i>
2.	Kerjasama Penilaian Penarafan Bintang MAMPU bagi kriteria A6: Pengurusan Rekod <i>MAMPU Star Rating Collaboration Assessment for A6 criteria: Records Management</i>		
	2.1 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri / Pejabat Setiausaha Persekutuan <i>Office of the Secretary of State / Office of the Federal Secretary for Sabah and Sarawak</i>	14	27 Ogos – 12 September 2013 <i>27 August – 12 September 2013</i>
	2.2 Agensi Barisan Hadapan (ABH) dan Agensi KPI Strategik Tier 1 <i>Front Line Agency (ABH) and Tier 1 Strategic KPI Agency</i>	11	2 – 24 Disember 2013 <i>2 – 24 December 2013</i>
3.	Kerjasama Penilaian Penarafan Bintang Pentadbiran Tanah oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Bagi Kriteria A5: Pengurusan Rekod <i>Land Administration Star Rating Collaborative Assessment by the Department of Director General of Lands and Mines for A5 Criterion: Records Management</i>	17 Pejabat Tanah dan Daerah <i>17 Land and District Offices</i>	11 November – 5 Disember 2013 <i>11 November – 5 December 2013</i>
4.	Inspektorat Penghargaan Pengurusan Rekod Peringkat Kementerian <i>Ministry Level Records Management Award Inspectorate</i>	10 Kementerian <i>10 Ministries</i>	19 – 29 November 2013 <i>19 – 29 November 2013</i>
5.	Inspektorat Kepada Pembekal Perkhidmatan Pengurusan Rekod Swasta Yang Memohon Kelulusan Pendaftaran Kod Bidang <i>Inspectorate to the Records Management Service Provider Applying Approval For Private Registration Field Code</i>	7 Syarikat Pembekal Swasta <i>7 Private Suppliers</i>	Januari – Oktober 2013 <i>January – October 2013</i>

## Penghargaan Pengurusan Rekod Peringkat Kementerian

Majlis Penghargaan Pengurusan Rekod Terbaik peringkat Kementerian 2013 diadakan bersempena dengan Sambutan Ulangtahun Arkib Negara yang ke-56. Majlis Penghargaan yang julung kali diadakan ini, bertujuan memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada Kementerian yang telah melaksanakan tadbir urus pengurusan rekod terbaik.

Sepuluh (10) Kementerian yang telah memperolehi markah tertinggi dalam Penilaian Penarafan Bintang (A6: Kriteria Pengurusan Rekod) pada tahun 2012 telah dipilih untuk penilaian khas oleh Pasukan Inspektorat daripada Arkib Negara. Penilaian khas ini diadakan bermula pada 19 hingga 29 November 2013 di:

- Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
- Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)
- Kementerian Sumber Manusia (KSM)
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Kementerian Dalam Negeri (KDN)
- Kementerian Kerja Raya (KKR)
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
- Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF)
- Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)

## Ministry Level Records Management Award

The 2013 Ministry Level Best Records Management Awards Ceremony was held in conjunction with the 56<sup>th</sup> National Archives of Malaysia Anniversary Celebration. The inaugural Award ceremony aims to give recognition and appreciation to government ministries that had implemented the best governance record management.

Ten (10) of the Government Ministries that had successfully attained the highest score in Star Rating Assessment (A6: Criteria for Records Management) in 2012 were chosen for a special assessment by the Inspectorate Team of the National Archives of Malaysia. The Special Assessment was held from 19<sup>th</sup> to 29<sup>th</sup> November 2013 at:

- Ministry of Youth and Sports (KBS)
- Ministry of Natural Resources and Environment (NRE)
- Ministry of Human Resources (MHR)
- Ministry of Education (MOE)
- Ministry of Home Affairs (MOHA)
- Ministry of Works (MOW)
- Ministry of Health Malaysia (MOH)
- Ministry of Finance Malaysia (MOF)
- Ministry of Defence Malaysia (MINDEF)
- Ministry of Plantation Industries and Commodities (MPIC)



YBhg. Dato' Hajah Daresah binti Ismail, Ketua Pengarah, Arkib Negara Malaysia menyampaikan plak dan sijil Penghargaan kepada Johan Pengurusan Rekod peringkat Kementerian kepada YBhg. Dato' Majidah binti Wallad, Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan mewakili Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Auditorium PPAV pada 5 Disember 2013.

YBhg. Dato' Hajah Daresah binti Ismail, Director General, National Archives of Malaysia presenting a plaque and certificate of champion during the Ministry level Best Records Management Awards Ceremony to Dato' Majidah binti Wallad, Secretary of Management Services representing the Ministry of Health (MOH) at PPAV Auditorium on 5 December, 2013.

Kriteria penilaian memfokuskan kepada program dan aktiviti pengurusan rekod yang dilaksanakan secara berterusan, amalan baik pengurusan rekod yang dapat memberi sumbangan kepada sistem penyampaian perkhidmatan dan WOW FACTOR iaitu pelaksanaan pengurusan rekod di luar kotak kelaziman, (*beyond expectation*) luar jangkaan dan memberi impak besar kepada Kementerian.

Berdasarkan penilaian ini, Pasukan Inspektorat telah memilih tiga (3) Kementerian terbaik daripada 10 yang terbaik untuk dianugerahi Pengurusan Rekod Terbaik Peringkat Kementerian 2013.

JOHAN	-	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
NAIB JOHAN	-	Kementerian Dalam Negeri (KDN)
KETIGA	-	Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF)

### **Lawatan Rasmi Ke Luar Negara**

Sepanjang tahun 2013, Seksyen Hubungan Antarabangsa telah menyelaras dan menguruskan 12 lawatan rasmi dari luar Negara (Vietnam, Taiwan, Perancis, Switzerland, Brunei, Algeria, Oman, dan Indonesia). Jumlah keseluruhan pelawat dari luar Negara bagi tahun 2013 adalah seramai 73 orang.

Seksyen ini juga telah menyelaras dan menguruskan sebanyak 11 lawatan rasmi ke luar Negara yang melibatkan 17 orang Pegawai Arkib dan Penolong Pegawai Arkib untuk menghadiri mesyuarat, seminar, persidangan, bengkel, kursus dan sebagainya. Seramai 15 orang Pegawai Arkib dan Pembantu Arkib juga telah terlibat dalam pengesanan dan penyalinan bahan-bahan arkib mengenai Malaysia di 3 buah Negara iaitu United Kingdom, Republik Indonesia dan India.

### **Kertas Cadangan Ikhtisas**

Pada tahun ini sebanyak 4 kertas ikhtisas telah diluluskan iaitu Dasar Rujukan dan Akses, Surat Pekeliling Am – Pemindahan Terbitan Rasmi Ke Arkib Negara Malaysia, Pelan Tindakan Bencana Rekod dan Prosedur Pendigitalan Bahan Arkib Audiovisual.

*The evaluation criteria focussed on ongoing records management programmes and activities, good records management practices that contribute to the service delivery system and WOW FACTOR, comprising beyond expectation and out of the box implementation of records management that rendered a substantial impact to the Ministry.*

*Based on such assessment, the Inspectorate Team has selected three (3) Ministries to be awarded from 10 of the Ministry Best Records Management of 2013.*

*First Place - Ministry of Health Malaysia (MOH)*

*Second Place - Ministry of Home Affairs (MOHA)*

*Third Place - Ministry of Defence Malaysia (MINDEF)*

### **Official Foreign Visits**

*During the year 2013, the International Relations Section had successfully coordinated and managed 12 official visits from abroad (Vietnam, Taiwan, France, Switzerland, Brunei, Algeria, Oman, and Indonesia). The overall total of foreign visitors the year 2013 was 73 visitors.*

*This section also coordinated and managed a total of 11 official visits abroad involving 17 archivists and assistant archivist for meetings, seminars, conferences, workshops, courses and others. A total of 15 Archivists had been involved in the recovering and duplicating of archival materials on Malaysia in three countries, namely the United Kingdom, the Republic of Indonesia and India.*

### **Professional Paper Proposals**

*Throughout this year a total of four papers were approved, which were Reference and Access Policy, General Circular Letter - Relocation of Official Publications to the National Archives of Malaysia, Disaster Response Plan and Records Digitisation Procedures of Audiovisual Archives.*



ARKIB NEGARA MALAYSIA  
NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA

# Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan

*Government Records Management Division*



# Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan

## Government Records Management Division

### PROFIL

Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti pengurusan rekod secara menyeluruh iaitu bermula dari pewujudan, penggunaan, pemeliharaan dan pelupusan rekod seperti yang termaktub di dalam Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629]. Bahagian ini terdiri daripada empat seksyen iaitu Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod, Seksyen Pelupusan Rekod, Seksyen Rekod Penting dan Pemulihan Bencana serta Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik. Bahagian ini berfungsi untuk mengurus dan memelihara rekod kerajaan yang amat penting sebagai bahan bukti yang menjadi asas kepada penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod (SPPR) bertanggungjawab mengurus penerimaan dan juga pemprosesan semua jenis rekod awam kecuali bahan pandang dengar. Seksyen ini juga bertanggungjawab mengurus penyimpanan sementara rekod awam yang terdiri dari fail-fail rasmi yang dipindahkan dari jabatan dan agensi awam. Rekod yang bernilai kekal akan disimpan di gedung sementara Pusat Rekod sehingga mencapai usia 25 tahun (bertaraf arkib) akan diproses dan akan dipindahkan ke gedung simpanan kekal di Seksyen Repositori untuk dibuka kepada rujukan umum. Selain itu, seksyen ini turut bertanggungjawab memberi khidmat nasihat dan kepakaran berhubung penubuhan pusat rekod agensi serta penyenggaraan rekod-rekod awamnya.

Seksyen Pelupusan Rekod bertanggungjawab dalam menguruskan permohonan pelupusan rekod awam dengan memberi kebenaran kepada permohonan pelupusan rekod awam daripada Kementerian, Jabatan, Agensi dan Syarikat Kerajaan. Seksyen ini juga bertanggungjawab dalam melaksanakan Bengkel Pelupusan Rekod Awam dan Bengkel Jadual Pelupusan Rekod (JPR) dan menghasilkan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian pejabat awam.

Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik (SPRE) bertanggungjawab bagi menyediakan prosedur, piawaian dan panduan berkaitan Pengurusan Rekod Elektronik di Pejabat Awam; merancang dan melaksanakan program dan aktiviti Pengurusan Rekod Elektronik di sepanjang kitaran hayat rekod; menyampaikan khidmat nasihat pengurusan rekod elektronik; menyediakan demo aplikasi pengurusan rekod elektronik yang digunapakai di Arkib Negara Malaysia; menjalankan program kerjasama dengan

### Profile

*The Government Records Management Division is responsible for the implementation of a comprehensive records management activities starting from the creation, usage, preservation and disposal of records as stipulated in the National Archives Act 2003 [Act 629]. This division consists of four sections which are Records Centre Services Section, Records Disposal Section, Vital Records and Disaster Recovery Section as well as Electronic Records Management Section. The function of this division is to manage and preserve vital government records which become the source of material evidence that form the basis for the improvement of government service delivery system.*

*The Records Centre Service Section plays a role in receiving and processing all types of public records except for audiovisual material. This section is also responsible for managing the temporary storage of public records inclusive of official files transferred from other departments and public agencies. Records possessing timeless value will be stored in the temporary storage house of the Records Center for 25 years (archival status) and subsequently be processed and transferred to permanent storage house in the Repository Section which is opened for general reference. Additionally, this section also provides expert advice services on the inception of agency's records centre and the maintenance of its public records.*

*The Records Disposal Section is responsible for managing requests for the disposal of public records by sanctioning approval to such requests made from the Ministries, Departments, Agencies and Government Linked Companies. This section is also responsible for carrying out Public Records Disposal Workshops and Records Disposal Schedule Workshops as well as producing Functional Records Disposal Schedule for public offices.*

*Electronic Records Management Section is responsible for administering the procedures, standards and guidelines pertaining Electronic Records Management in Public Office; planning and implementing programmes and activities of Electronic Records Management throughout the lifecycle of records; conveying electronic records management advisory services; providing electronic records management implementation demo as used in the National Archives of Malaysia; running collaborative*

MAMPU bagi projek-projek kerajaan elektronik; dan menyelaraskan kerja-kerja penyediaan Klasifikasi Fail dan Jadual Pelupusan Rekod di Kementerian sebagai prasyarat menjelang pelaksanaan penggunaan aplikasi *Digital Document Management System* (DDMS). Selain itu, SPRE juga bertanggungjawab mengurus dan memantau penggunaan aplikasi HP TRIM yang digunakan untuk menguruskan rekod semasa di Arkib Negara Malaysia.

Seksyen Rekod Penting dan Pemulihan Bencana (SRPPB) bertanggungjawab ke atas keselamatan dan pemeliharaan Rekod Penting Negara sama ada yang aktif atau tidak. Seksyen ini juga berperanan dalam memberi khidmat nasihat dan membantu Pejabat Awam membangunkan Pelan Tindakan Bencana Rekod (PTBR) Kerajaan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi, Badan Berkanun dan Syarikat Perusahaan Kerajaan (GLC) bagi persediaan menghadapi bencana yang mungkin berlaku dan menyebabkan kerosakan pada rekod-rekod awam yang bernilai untuk rujukan dan penyelidikan. Seksyen ini juga bertanggungjawab dalam menyediakan Pelan Tindakan Bencana Rekod bagi Arkib Negara Malaysia.

*programmes with MAMPU on electronic government projects; and coordinating the groundwork for File Classifications and Records Disposal Schedule at the Ministry as a precondition towards the implementation of Digital Document Management System (DDMS) application. In addition, this section is also responsible for managing and monitoring the use of HP TRIM application used to manage the existing records in the National Archives of Malaysia.*

*The Vital Records and Disaster Recovery Section is responsible on the security and preservation of national vital records, whether active or otherwise. This section also has a role in providing advisory services and assisting public offices to develop the Government's Records Disaster Action Plan (PTBR) at the Ministries/ Departments/ Agencies, Statutory Bodies and Government Linked Companies (GLC) in order to be well prepared for disasters that may cause damage to the invaluable public records for reference and research. This section is also responsible for providing Records Disaster Action Plan for the National Archives of Malaysia.*



Rekod-rekod yang ditimpa bencana banjir.

*Flood-stricken records.*

## PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Sepanjang tahun 2013, Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod telah menerima rekod-rekod dari pejabat awam berjumlah 12,356 unit bahan fail yang merangkumi 207.25 meter panjang serta 7,912 unit bahan bukan fail. Perangkaan ini menunjukkan peningkatan penerimaan rekod awam berbentuk fail sebanyak 49% dari jumlah penerimaan fail pada tahun 2012. Seksyen ini juga telah memproses dan memindahkan sejumlah 25,100 unit bahan fail dan bukan fail ke Seksyen Repositori serta menyenaraikan 15,792 rekod ke dalam sistem COMPASS. Sepanjang tahun ini juga, lebih dari 12,000 unit fail telah diwasap menggunakan mesin Bio-Master yang diperolehi pada Disember 2012.



## ANNUAL ACTIVITIES HIGHLIGHTS


*During the year 2013, the Records Centre Service Section received a total of 12,356 units of file material spanning 207.25 meters long and 7,912 units of non-file material from public offices. These figures indicate an increase of 49% as compared to the total acceptance of public records in 2012. This section also processed and transferred a total of 25,100 units file and non file materials to the Repository Section and listed 15,792 records into the COMPASS system. Throughout this year, more than 12,000 files were fumigated using the Bio-Master machine acquired in December 2012.*

Selain itu, Seksyen ini juga telah membuat lawatan inspektorat ke lima buah pusat rekod agensi swasta yang memohon kelulusan pendaftaran kod bidang daripada Arkib Negara Malaysia dan tujuh lawatan khidmat nasihat ke pejabat awam. Di sepanjang tahun ini, Seksyen turut menerima 14 lawatan berpandu dari pelbagai kementerian, jabatan dan agensi, syarikat-syarikat perusahaan kerajaan, institusi pengajian tinggi tempatan, delegasi dari negara luar seperti Indonesia, Iraq dan Vietnam serta juga peserta-peserta Program Kerjasama Teknikal Malaysia 2013.

*This section also conducted inspectorate visits to five private agency records centres that sought field code registration approval from the National Archives of Malaysia and seven advisory visits to public offices. Throughout the year, the Section also received 14 guided tours from various government ministries, departments and agencies, government linked companies, institutions of higher learning, foreign delegates from Indonesia, Iraq and Vietnam, as well as participants from the 2013 Malaysian Technical Cooperation Programme.*

**CARTA PENERIMAAN REKOD AWAM 2013**  
2013 PUBLIC RECORDS ACCEPTANCE CHART





### Taklimat Tatacara Pelupusan Rekod Awam dan Penggunaan Jadual Pelupusan Rekod Urusan Am.

Taklimat Tatacara Pelupusan Rekod Awam Dan Penggunaan Jadual Pelupusan Rekod Urusan Am diadakan bertujuan untuk memberi kefahaman kepada Kementerian/ Jabatan/ Agensi tersebut tentang tatacara pelupusan rekod awam dan kaedah menggunakan Jadual Pelupusan Rekod Urusan Am (JPR Am) yang telah diterbitkan oleh Arkib Negara Malaysia pada tahun 2012. JPR Am tersebut dapat membantu pejabat awam mengenalpasti tempoh simpanan dan tindakan pelupusan yang perlu dilaksanakan bagi rekod-rekod yang diwujudkan di pejabat awam itu.

Taklimat ini telah diadakan di Auditorium Bangunan Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Audio Visual Negara (PPAV), melibatkan kumpulan sasaran yang berbeza pada tarikh seperti berikut:

### Briefing on Procedures for Public Records Disposal and Use of the General Records Disposal Schedule.

The briefing on Procedures for Public Records Disposal and Use of General Records Disposal Schedule was designed to provide an understanding in the Ministries/ Departments/ Agencies towards the procedures and methods of public records disposal via the General Records Disposal Schedule (JPR Am) published by the National Archives of Malaysia in 2012. JPR Am enables the public office to identify the storage duration and disposal actions needed for the created records there.

The briefing held at the Auditorium of National Documentation and Audio-Visual Conservation (PPAV) Centre, involved different target groups at the following dates:

Bil. Siri / No. Series	Tarikh / Date	Kumpulan Sasaran / Target Groups	Jumlah Peserta / Number of Participants
1.	15.2.2013	Pelbagai Kementerian/ Jabatan/ Agensi di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya <i>Various Ministries/ Departments/ Agencies from Kuala Lumpur and Putrajaya</i>	221 orang / people
2.	26.6.2013	Syarikat Perusahaan Kerajaan (GLC) di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor <i>Government Linked Companies (GLC) in Kuala Lumpur, Putrajaya and Selangor</i>	221 orang / people
3.	27.6.2013	Pejabat Daerah/ Tanah dan Galian serta Pejabat Kesihatan, Hospital, Klinik Kesihatan dan Pergigian di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan <i>District/ Lands and Mines as well as Health Offices, Hospital, Government Health and Dental Clinics in Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor and Negeri Sembilan</i>	343 orang / people

## Majlis Menandatangani Persefahaman Bersama (MOU) Jadual Pelupusan Rekod (JPR) Fungsian TLDM

Majlis Menandatangani Persefahaman Bersama Jadual Pelupusan Rekod (JPR) Urusan Fungsian di antara Arkib Negara Malaysia (ANM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah diadakan pada 18 Julai 2013 bertempat di Auditorium Wisma Warisan, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Perjanjian Persefahaman bagi kelulusan pemakaian JPR Fungsian Tentera Laut Diraja Malaysia ini telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah Arkib Negara, Dato' Hajah Daresah Haji Ismail dan Pengarah Pusat Sumber Maritim dan Sejarah TLDM, Kapten Mohd Yusri bin Haji Mohd Yunus dengan disaksikan Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dan Pengurusan ANM, Puan Faridah binti Ishak bagi pihak Arkib Negara Malaysia dan Panglima TLDM, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Haji Jaafar bagi pihak Tentera Laut Diraja Malaysia.

JPR Fungsian TLDM ini meliputi beberapa kumpulan siri rekod utama iaitu mengenai Pertahanan dan Keselamatan Maritim, Pengurusan dan Pengukuran Hidrografi, Aset TLDM dan borang-borang Angkatan Tentera. Ianya diadakan bagi membantu TLDM dalam meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran menerusi pelupusan rekod secara efisien dan sistematik, menjimatkan perbelanjaan pengurusan, penggunaan ruang simpanan rekod secara lebih ekonomik, mematuhi keperluan perundangan dan mengenal pasti serta memisahkan rekod yang bernilai dan yang tidak bernilai.

## Memorandum of Understanding (MOU) Signing Ceremony with RMN for Functional Records Disposal Schedule

Memorandum of Understanding (MOU) Signing Ceremony for Functional Records Disposal Schedule between the National Archives of Malaysia and the Royal Malaysian Navy (RMN) held on 18<sup>th</sup> July, 2013 at the Wisma Warisan Auditorium, National Archives of Malaysia, Kuala Lumpur. The Memorandum of Understanding for the approved use of Royal Malaysian Navy Functional Records Disposal Schedule was signed by the Director General of the National Archives of Malaysia, Dato' Hajah Daresah Haji Ismail and RMN Director of Maritime and History Resource Centre, Captain Mohd Yusri bin Haji Mohd Yunus and witnessed by Deputy Director General of Planning and Management, Puan Faridah binti Ishak on behalf of National Archives of Malaysia and the Chief of Navy, Admiral Tan Sri Abdul Aziz bin Haji Jaafar on behalf of the Royal Malaysian Navy.

RMN Functional Records Disposal Schedule encompassed several principal record series, such as the Maritime Defence and Security, Hydrography Management and Measurement, assets of RMN and Armed Forces forms. This is to enhance RMN management and administration via disposing records efficiently and systematically, saving management cost, using records storage space economically, complying with legal requirements and discerning as well as discriminating valuable records from the valueless.



Dato' Hajah Daresah Hj. Ismail dan Kapten Mohd Yusri bin Haji Mohd Yunus menandatangani Perjanjian Persefahaman dengan disaksikan oleh Puan Faridah Ishak dan Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Haji Jaafar.

Dato' Hajah Daresah Hj. Ismail and Captain Mohd Yusri bin Haji Yunus signed the Agreement of Understanding witnessed by Puan Faridah Ishak and Admiral Tan Sri Abdul Aziz bin Haji Jaafar.

## Bengkel Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod (JPR) Fungsian

Penyediaan JPR Fungsian oleh pejabat awam adalah sejajar dengan peruntukan di bawah seksyen 27(1) dan (3) Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629], dimana Ketua Pentadbir sesebuah penjawat awam dikehendaki menyediakan dan mengemukakan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian dalam bentuk yang ditetapkan bagi pelupusan rekod-rekod awam kepada Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia untuk kelulusan. Sepanjang tahun 2013, Seksyen Pelupusan Rekod telah dapat melaksanakan Bengkel Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian yang melibatkan 23 buah Kementerian/ Jabatan/ Agensi seperti di lampiran 1.

Ekoran daripada bengkel-bengkel yang telah dilaksanakan pada tahun 2012 dan 2013, JPR Fungsian yang telah dapat disiapkan oleh Jabatan ialah JPR Pusat Zakat Melaka, JPR Buku Teks, JPR Jabatan Perkhidmatan Awam, JPR Jabatan Bantuan Guaman dan JPR TLDM. JPR tersebut boleh digunakan oleh Jabatan-Jabatan berkenaan dalam melaksanakan pelupusan rekod Urusan Fungsian mereka dimana kelulusan pemusnahan rekod fungsian akan diperolehi dengan lebih cepat iaitu dalam tempoh 14 hari bekerja berbanding piagam pelanggan yang boleh mencecah hingga 6 bulan bagi permohonan pelupusan rekod yang tiada didalam jadual.

## Preparation of Functional Records Disposal Schedule (JPR) Workshop

The preparation of Functional Records Disposal Schedule (JPR) in public office is conforming to provisions under section 27 (1) and (3) the National Archives Act 2003 [Act 629], in which the chief administrator of a civil servant is required to prepare and submit a Functional Records Disposal Schedule for the disposal of public records to the National Archives of Malaysia, in the prescribed form for approval. Throughout 2013, the Records Disposal Section was able to implement Workshops on the Preparation of Functional Records Disposal Schedule (JPR) involving 23 ministries/ departments/ agencies as listed in Appendix 1.

As a result of workshops conducted in 2012 and 2013, several departments had successfully completed their Functional Records Disposal Schedules such as JPR Melaka Zakat Centre, JPR Textbook, JPR Public Service Department, JPR Legal Aid Department and JPR RMN. These departments can then utilise their JPR when disposing their Functional Records for scheduled records disposal approval is obtained faster ie within 14 working days as compared to the client's charter, which can amount to 6 months for the application of records disposal not in schedule.

### SENARAI JABATAN YANG MENGANJURKAN BENGKEL PENYEDIAAN JPR FUNGSIAN PADA TAHUN 2013 LIST OF DEPARTMENT CONDUCTING WORKSHOP ON THE PREPARATION OF FUNCTIONAL RECORDS DISPOSAL SCHEDULE IN 2013

BIL. No.	JABATAN Department	Tarikh bengkel/ Taklimat Date of Workshop/ Briefing
1.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia <i>Companies Commission of Malaysia</i>	15-16 Januari <i>15-16 January</i>
2.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) <i>Armed Forces Fund Board (LTAT)</i>	30-31 Januari <i>30-31 January</i>
3.	Universiti Malaysia Sabah <i>Universiti Malaysia Sabah</i>	5-7 Februari <i>5-7 February</i>
4.	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) <i>Forest Research Institute Malaysia (FRIM)</i>	20-22 Februari <i>20-22 February</i>
5.	Mahkamah Persekutuan Malaysia <i>Federal Court of Malaysia</i>	8-10 Mac <i>8-10 March</i>
6.	Jabatan Peguam Negara <i>Attorney General Chambers</i>	25-27 Mac <i>25-27 March</i>
7.	Kementerian Kesihatan Malaysia <i>Ministry of Health Malaysia</i>	25-27 Mac <i>25-27 March</i>
8.	Kementerian Belia dan Sukan <i>Ministry of Youth and Sports</i>	15-17 April <i>15-17 April</i>
9.	Sekolah-Sekolah Negeri Selangor <i>Selangor State Schools</i>	16 Mei <i>16 May</i>
10.	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Terengganu <i>Department of Town and Country Planning Terengganu State</i>	28-29 Mei <i>28-29 May</i>

BIL. No.	JABATAN Department	Tarikh bengkel/ Taklimat Date of Workshop/ Briefing
11.	Kolej Komuniti Sabak Bernam <i>Sabak Bernam Community College</i>	4-6 Jun <i>4-6 June</i>
12.	Tourism Malaysia <i>Tourism Malaysia</i>	10-11 Jun <i>10-11 June</i>
13.	Jabatan Perkhidmatan Awam <i>Public Service Department</i>	12-14 Jun <i>12-14 June</i>
14.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan <i>Ministry of Domestic Trade, Cooperative and Consumer Affairs</i>	18-20 Jun <i>18-20 June</i>
15.	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar <i>Ministry of Natural Resources and Environment</i>	21-24 Jun <i>21-24 June</i>
16.	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi <i>Ministry of Natural Resources and Environment</i>	1-3 Julai <i>1-3 July</i>
17.	Jabatan Pendaftaran Negara <i>National Registration Department</i>	20-21 Ogos <i>20-21 August</i>
18.	Kementerian Belia dan Sukan <i>Ministry of Youth and Sports</i>	3-4 September <i>3-4 September</i>
19.	Pejabat SUK Perlis <i>Perlis State Secretary Office</i>	11 September <i>11 September</i>
20.	Tenaga Nasional Berhad <i>Tenaga Nasional Berhad</i>	29-31 Oktober <i>29-31 October</i>
21.	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia <i>Ministry of Science, Technology and Innovation Malaysia</i>	9-11 Oktober <i>9-11 October</i>
22.	Kementerian Luar Negeri <i>Ministry of Foreign Affairs</i>	23-25 Oktober <i>23-25 October</i>
23.	Kementerian Kerja Raya <i>Ministry of Works</i>	11-13 November <i>11-13 November</i>

### Bengkel Pelupusan Rekod

Bengkel Pelupusan Rekod diadakan bagi membantu pejabat awam meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran menerusi pelupusan rekod secara efisien dan sistematik, menjimatkan perbelanjaan pengurusan, penggunaan ruang simpanan rekod secara lebih ekonomik, mematuhi keperluan perundangan dan mengenal pasti serta memisahkan bahan-bahan rekod yang berpotensi untuk dijadikan bahan rujukan pada masa akan datang. Rekod-rekod yang mengandungi maklumat penting negara akan menjadi bahan bukti dan sejarah negara.

Sepanjang tahun 2013, Seksyen Pelupusan Rekod telah dapat melaksanakan Bengkel Pelupusan Rekod yang melibatkan 21 buah Kementerian/ Jabatan/ Agensi seperti di lampiran 2. Ekoran daripada bengkel yang telah dilaksanakan, Kementerian/ Jabatan/ Agensi telah dapat melegakan ruang simpanan rekod mereka dan melancarkan tadbir urus rekod di Kementerian/ Jabatan/ Agensi masing-masing.

### Records Disposal Workshop

*The Records Disposal Workshop aims to enhance the competence of public office management and administration via disposing records efficiently and systematically, saving management cost, using records storage space economically, complying with legal requirements and discerning record materials that possess reference material prospective. Records containing information of national importance will be the source of evidence and nation's history.*

*Throughout 2013, the Records Disposal Section was able to implement Records Disposal Workshops involving 21 ministries/ departments/ agencies as shown in Appendix 2. Consequently, the involved Ministry/ Department/ Agency were able to relieve their record storage space and execute their respective records governance with ease.*

**SENARAI JABATAN YANG MENGANJURKAN BENGKEL PELUPUSAN REKOD PADA TAHUN 2013**  
**LIST OF DEPARTMENTS CONDUCTING WORKSHOP ON RECORDS DISPOSAL IN 2013**

BIL. No.	JABATAN Department	Tarikh bengkel/ Taklimat Date of Workshop/ Briefing
1.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan <i>Ministry of Domestic Trade, Cooperative and Consumer Affairs</i>	13-14 Februari <i>13-14 February</i>
2.	Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan <i>Centre for Instructors and Advanced Skills</i>	26-28 Februari <i>26-28 February</i>
3.	Bahagian Teknologi Pendidikan <i>Educational Technology Division</i>	4 Mac <i>4 March</i>
4.	Jabatan Peguam Negara <i>Attorney General Chambers</i>	12-13 Mac <i>12-13 March</i>
5.	Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) <i>Muslim Welfare Organisation Malaysia (PERKIM)</i>	6 Mac <i>6 March</i>
6.	Jabatan Perhutanan <i>Department of Forestry</i>	18-20 Mac <i>18-20 March</i>
7.	Jabatan Pertanian Selangor <i>Department of Agriculture, Selangor</i>	28-29 Mac <i>28-29 March</i>
8.	Institut Pengurusan dan Integriti Negeri Melaka <i>Malacca Institute Of Management And Integrity</i>	10-11 April <i>10-11 April</i>
9.	Pejabat Daerah & Tanah Sabak Bernam <i>Sabak Bernam District &amp; Land Office</i>	22-24 April <i>22-24 April</i>
10.	Bahagian Dasar Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan <i>Policy Division Ministry of Information, Communications and Culture</i>	2-3 Mei <i>2-3 May</i>
11.	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran <i>Skills Development Fund Corporation</i>	7-8 Mei <i>7-8 May</i>
12.	Pusat Kawalan Kusta Negara <i>National Leprosy Control Centre</i>	14 Mei <i>14 May</i>
13.	Rumah Kanak-Kanak Tunku Budriyah <i>Tunku Budriyah Children's Home</i>	15 Mei <i>15 May</i>
14.	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan <i>Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority</i>	20-21 Mei <i>20-21 May</i>
15.	PKP Daerah Petaling <i>Officers Development Centre Petaling</i>	10 Jun <i>10 June</i>
16.	Mahkamah Selangor <i>Selangor Court</i>	11-12 Jun <i>11-12 June</i>
17.	Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) <i>Malaysian Productivity Corporation</i>	19-20 Jun <i>19-20 June</i>
18.	Hospital Selayang <i>Selayang Hospital</i>	2 Julai <i>2 July</i>
19.	Majlis Perbandaran Sepang <i>Sepang Town Council</i>	17-18 Ogos <i>17-18 August</i>
20.	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia <i>Fire and Rescue Department</i>	22-23 Oktober <i>22-23 October</i>
21.	Jabatan Kerja Raya Daerah Klang <i>Klang Public Works Department</i>	20-21 November <i>20-21 November</i>

## **Khidmat Nasihat Pengurusan Rekod Elektronik**

Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik telah berjaya mengendalikan lima belas sesi khidmat nasihat pengurusan rekod elektronik dan demo aplikasi HP-TRIM di Arkib Negara Malaysia kepada Kementerian/ Jabatan/ Agensi. Selain itu, Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik juga telah memberikan kebenaran pelupusan media kepada enam pejabat awam yang telah membuat permohonan tersebut.

## **Projek Digital Document Management System (DDMS) Sektor Awam**

Arkib Negara Malaysia telah dilantik sebagai Subject Matter Expert (SME) bagi Projek Digital Document Management System (DDMS) Sektor Awam. Disamping memberikan input mengenai pengurusan rekod bagi tujuan pembangunan sistem, SPRE juga telah dipertanggungjawabkan sebagai urus setia untuk menyelaras kerja-kerja pembangunan klasifikasi fail dan penyediaan Jadual Pelupusan Rekod yang merupakan prasyarat bagi pelaksanaan DDMS. Pada tahun 2013, SPRE telah mengendalikan dua bengkel *Hand Holding* pada 25 hingga 26 September 2013 dan 29 hingga 31 Oktober 2013. Bengkel ini telah diadakan bagi mempercepatkan penyediaan klasifikasi fail dan Jadual Pelupusan Rekod.

Selain itu, satu lagi bengkel telah diadakan bagi pegawai-pegawai kader pada 26 hingga 27 November 2013 untuk meningkatkan pemahaman pegawai kader tentang isu-isu yang berkaitan dengan penggunaan aplikasi pengurusan rekod elektronik.

SPRE juga telah melaksanakan Ujian Keakuran Aplikasi DDMS untuk menguji pematuhan aplikasi tersebut kepada MS ISO 16175 - 2 : 2012 *Information and documentation – Principles and functional requirements for records in electronic office environments – Part 2: Guidelines and functional requirements for digital records management systems* (ISO 16175 - 2 : 2011, IDT). Hasil ujian mendapati aplikasi DDMS masih perlu dibuat penambahbaikan supaya dapat melaksanakan semua keperluan yang dikehendaki dalam MS ISO 16175 - 2 : 2012.

## **Pemeliharaan Rekod Elektronik**

SPRE telah mengadakan beberapa lawatan ke pejabat awam untuk menjalankan kajian awal pemeliharaan rekod elektronik di sepanjang tahun 2014. Diantara jabatan dan agensi yang telah dilawati ialah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Kajian ini dilaksanakan untuk membuat penilaian dan pemindahan rekod elektronik yang bernilai kekal untuk pemeliharaan di Arkib Negara Malaysia.

## **Electronic Records Management Advisory Service**

*Electronic Records Management Section has successfully handled fifteen advisory session on electronic records management and application demo HP-TRIM at the National Archives of Malaysia to government Ministries/ Departments/ Agencies. In addition, the Electronic Records Management Section also sanctioned permission to six public offices that applied for media disposal.*

## **Public Sector Digital Document Management System (DDMS) Project**

*The National Archives of Malaysia was appointed as the Subject Matter Expert (SME) for the Public Sector Digital Document Management System (DDMS) Project. In addition to supplying input on records management for system development, SPRE was also commissioned as the secretariat to coordinate the works on file classification development and the preparation of Records Disposal Schedule, which is a prerequisite for the implementation of DDMS. On 25<sup>th</sup> to 26<sup>th</sup> September and 29<sup>th</sup> to 31<sup>st</sup> October 2013, SPRE conducted two Hand Holding workshops. These workshop were held in order to expedite the preparation of files classification and Records Disposal Schedule.*

*In addition, another workshop was held for the archival cadres on 26 to 27 November 2013 to improve their understanding on issues pertaining to the use of electronic records management applications.*

*SPRE has also implemented DDMS Application Conformance Test to evaluate the compliancy of DDMS application to MS ISO 16175 - 2 : 2012 Information and documentation - Principles and functional requirements for records in electronic office environments - Part 2: Guidelines and functional requirements for digital records management systems (ISO 16175 - 2 : 2011, IDT). The test results indicated the DDMS application required improvements in order to meet all the requirements prescribed by MS ISO 16175 - 2 : 2012.*

## **Preservation of Electronic Records**

*SPRE made several visits to public offices to carry out a preliminary study on electronic records preservation throughout 2013. Among the departments and agencies visited are Forest Research Institute Malaysia (FRIM), the Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO), the Malaysian Immigration Department (JIM), the National Registration Department (NRD) and the Road Transport Department (JPJ). This study was undertaken in order to evaluate and transfer electronic records of timeless value to the National Archives of Malaysia for preservation.*

## Penyediaan Panduan

SPRE telah berjaya mengeluarkan Tatacara Pengurusan Rekod Elektronik Dalam Aplikasi Digital Document Management Systems (DDMS). Tatacara ini disediakan bagi memberi panduan kepada pejabat awam dalam menangani peralihan dan perubahan pengurusan rekod dari persekitaran konvensional kepada persekitaran elektronik. Disamping itu, tatacara ini juga diharapkan dapat membantu pejabat awam membudayakan pengurusan rekod elektronik dikalangan kakitangan masing-masing.

## Bengkel Pengurusan Rekod Penting dan Pelan Tindakan Bencana (PTB)

Seksyen Rekod Penting dan Pemulihan bencana (SRPPB) dengan kerjasama Seksyen Konsultasi dan Latihan (SKL) telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Rekod Penting dan Pelan Tindakan Bencana (PTB) bermula pada 13 Mei hingga 14 Mei 2013. Bengkel tersebut diadakan di Dewan Tun Rahah, Memorial Tun Abdul Razak. Seramai 25 orang peserta telah terlibat dalam bengkel ini. Para peserta didedahkan dengan kaedah menguruskan rekod penting dan penyediaan pelan tindakan bencana. Ceramah telah disampaikan oleh Puan Hapiza Osman, Ketua Seksyen Rekod Penting dan Pemulihan Bencana dan Encik Mohd Zakaria Razali. Sesi latihan amali pemulihan rekod yang ditimpa bencana dikendalikan oleh Encik Zamzurizaid Yazed dan Encik Mohd Solehin Mohamad.

## Preparation Guide

SPRE was successful in producing Electronic Records Management Procedures In Digital Document Management Systems (DDMS) Application. This procedure is made available as guidance to the public office when dealing with transitions and changes in records management from a conventional environment to an electronic environment. In addition, this procedure is also anticipated to assist the public office to advocate electronic records management among their staff.

## Workshop on the Management of Vital Records and Disaster Response Plan (PTB)

The Vital Records And Disaster Recovery Section in collaboration with Consultancy and Training Section (SKL) had organised a workshop on Vital Records Management and Disaster Response Plan (PTB) starting from 13<sup>th</sup> May to 14<sup>th</sup> May 2013. The workshop was held at Tun Rahah Hall in Tun Abdul Razak Memorial. The workshop had 25 participants. The participants were exposed to methods of managing vital records and preparations of a disaster response plan. The talk was presented by Mrs. Hapiza Osman, Head of Vital Records and Disaster Recovery and Mr Mohd Zakaria Razali. The practical training session for disaster records recovery was handled by Mr. Zamzurizaid Yazed and Mr Mohd Solehin Mohamad.



Sesi perbincangan Klasifikasi Fail bersama Kementerian Wilayah Persekutuan.  
*Files Classification discussions with the Ministry of Federal Territories.*



Para peserta sedang mendengar penerangan tentang kaedah menyelamatkan rekod yang ditimpa bencana.

*Participants attentively listening to methods involved in the disaster records recovery.*

### **Pelan Tindakan Bencana Rekod dan Operasi Bencana Rekod**

Seksyen Rekod Penting dan Pemulihan Bencana telah menyediakan Pelan Tindakan Bencana Rekod (PTBR) Kerajaan bagi Arkib Negara Malaysia. PTBR ini dibangunkan selaras dengan Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) dan Panduan Pengurusan Pejabat Bil. 5 Tahun 2007. PTBR ini digunakan sebagai panduan dan persediaan kepada Jabatan untuk menghadapi sebarang bencana sama ada sebelum, semasa dan selepas berlakunya gangguan atau bencana. PTBR yang menggariskan langkah-langkah keselamatan akan dapat meminimalkan kemusnahan rekod yang menjadi simpanan kekal kepada negara.

Seksyen ini juga telah membantu Pejabat Awam dalam menyediakan PTBR masing-masing. Draf PTBR yang dihasilkan oleh jabatan akan disemak oleh seksyen ini sebelum diluluskan dan diguna pakai di jabatan. Penyediaan PTBR di Pejabat Awam adalah perlu sebagai langkah persediaan untuk menghadapi dan mengatasi masalah kemusnahan rekod sekiranya berlaku bencana.

### **Action Plan for Records Disaster and Records Disaster Operations**

*The Vital Records and Disaster Recovery Section had designed the Government Records Disaster Action Plan for the National Archives of Malaysia was developed in compliance to the National Archives Act 2003 (Act 629) and Office Management Guide No. 5 Year 2007. PTBR is used as a guide and preparation for the department when dealing with any disaster whether before, during and after a hazard or disaster. PTBR also outlined security measures that minimises the destruction of the nation's permanently stored records.*

*This section also assisted the Public Offices in preparing their respective. The drafts produced by the department will be reviewed by this section before being approved and enforced at the department. The preparation of PTBR in Public Office is imperative as a preliminary measure to cope with the problem of records destruction in the event of a disaster.*

*Additionally, the section is also responsible for advising government*



Kerja-kerja mengeringkan rekod dengan membuat ampaian dan dianginkan dengan kipas angin.

*Exsiccating records by making a suspended drying line and aired with a fan.*

Selain dari itu, bahagian ini juga bertanggungjawab membantu jabatan kerajaan memberi nasihat untuk menyelamatkan rekod-rekod yang ditimpa bencana. Sepanjang tahun 2013, dua buah jabatan telah ditimpa bencana akibat terkena banjir atau limpahan paip air menyebabkan banyak rekod-rekod telah basah. Hasil dari operasi yang dijalankan, sebanyak lebih kurang 24,115 rekod dapat diselamatkan dan digunakan semula oleh pejabat awam berkaitan.

### **Bengkel Pemantapan Program Pengurusan Rekod Di Sektor Awam**

Bengkel Pemantapan Program Pengurusan Rekod di Sektor Awam telah diadakan pada 25 hingga 27 Oktober 2013, di Hotel Bayview, Jalan Bendahara, Melaka. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), Puan Faridah Ishak. Peserta yang terlibat ialah seramai 21 orang terdiri daripada Pengarah Bahagian, Ketua Seksyen, Pengarah Negeri, Pegawai Arkib dan Pegawai Arkib Kader. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk:

- i. Memperoleh input terbaharu berkenaan pemantapan pengurusan rekod di sektor awam supaya pelaksanaannya lebih sistematik dan efisien;
- ii. Memastikan semua akta, standard dan panduan-panduan digunakan sebagai alat memantapkan program pengurusan rekod di sektor awam; dan
- iii. Menghasilkan kaedah dan penyelesaian baharu untuk memantapkan lagi pengurusan rekod di sektor awam.

Bengkel Pemantapan Program Pengurusan Rekod di Sektor Awam ini dilaksanakan melalui kaedah percambahan fikiran. Peserta telah dipecahkan kepada empat kumpulan bagi membincangkan isu yang diperolehi semasa sesi percambahan fikiran. Setiap kumpulan telah mengemukakan cadangan bagi penyelesaian kepada isu-isu yang dibangkitkan. Bengkel ini berjaya menghasilkan beberapa perkara yang dianggap dapat membantu pelaksanaan Pemantapan Pengurusan Rekod di Sektor Awam dan pelaksanaan Digital Document Management System (DDMS) untuk diterapkan dalam pelaksanaan Penarafan Bintang (Star Rating). Antara perkara yang dihasilkan ialah Pelan Perancangan Pelaksanaan Pemantapan Pengurusan Rekod di Sektor Awam dan dokumen Program Pengurusan Rekod yang komprehensif berdasarkan MS 2223 : 2009 - *Information and Documentation- Records Management Part I and Part 2*.

*departments to salvage the disaster records. Throughout 2013, two government departments encountered water disaster due to flooding and water pipe overflowing which caused many of the records to be drenched. The recovery operation successfully salvaged approximately 24,115 records that were reused by the respective public offices.*

### **Augmentation Workshop for Records Management Programme in the Public Sector**

*The Augmentation Workshop for Records Management Programme in the Public Sector was held from 25<sup>th</sup> to 27<sup>th</sup> October 2013, at the Bayview Hotel, Jalan Bendahara, Melaka. The workshop was inaugurated by the Deputy Director General (Planning), Ms Faridah Ishak. A total of 21 individuals participated in the workshop comprising Director, Head of Section, State Director, Archives Officers, and Archives Cadres. The purpose of this workshop is to:*

- i. Obtain the latest relevant input to augment the management of records in the public sector so to be more systematically and efficiently implemented;*
- ii. Ensure that all laws, standards and guidelines are used as records management programme augmentation tool in the public sector; and*
- iii. Develop methods and new solutions to augment records management in the public sector.*

*The Augmentation Workshop for Records Management Programme in the Public Sector is done through brainstorming sessions. Participants were divided into four groups to discuss the issues raised during the brainstorming. Each group then submitted a proposed solution to the issues raised. The workshop successfully produced several conducive points that may affect the accomplishment of augmenting the Public Sector Records Management and implementation of Digital Document Management System (DDMS) so as to be applicable in the implementation of Star Rating. Among the items produced were the Action Plan for Implementing the Augmentation of Records Management in the Public Sector and comprehensive Records Management Programme document that complied with MS 2223 : 2009 - *Information and Records Management Documentation- Part I and Part 2*.*





ARKIB NEGARA MALAYSIA  
NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA

# Bahagian Pengurusan Arkib

## *Archives Management Division*



# Bahagian Pengurusan Arkib

## Archives Management Division

### PROFIL

Bahagian Pengurusan Arkib (BPA) bertanggungjawab dalam pengendalian urusan-urusan berkaitan aktiviti teras Jabatan Arkib Negara Malaysia. Aktiviti utama Bahagian ini adalah mengesan, mengenal pasti, mengumpul dan memperolehi bahan arkib dari pelbagai sumber serta memelihara dan memulihara bahan arkib sebagai bahan bukti sejarah kebangsaan melalui kaedah pengawetan, penjilidan dan reprografi (penyalinan). Selain itu, bahagian ini juga memainkan peranan dalam memperolehi bahan-bahan arkib pandang dengar (audiovisual), menjalankan kerja-kerja pendigitalan bahan disamping menyediakan panducari untuk tujuan pengesanan bahan arkib bagi kemudahan penyelidikan.

Lima Seksyen yang bernaung di bawah BPA iaitu Seksyen Perolehan, Seksyen Pemuliharaan dan Reprografi, Seksyen Arkib Pandang Dengar, Seksyen Panducari dan Seksyen Arkib Digital juga memikul tanggungjawab untuk memperkasakan arkib pandang dengar dan arkib digital bagi memastikan KPI Bahagian dapat disempurnakan. Kerjasama erat telah diwujudkan di antara kelima-lima seksyen di bawah bahagian ini di samping merealisasikan penyediaan produk dan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan efisien kepada pelanggan.

### PROFILE

Archives Management Division (AMD) is responsible for the management of core business of the National Archives of Malaysia. The principal activities of this division are to tracing, identifying, collecting and acquiring archival material from various sources as well as preserving and conserving them as evidence of national history through various methods of conservation, binding and reprography. In addition, the division also plays a role in acquiring audiovisual archival materials, performing digitisation of materials whilst providing, finding - aids for easy retrieval of archival material for ease of research.

There are five sections under the AMD, namely Acquisition Section, Conservation and Reprography Section, Audio Visual Archives Section, Finding – Aids Section and Digital Archives Section each with their own responsibilities in implementing the principal activities of AMD. This division is also responsible to augment the audiovisual and digital archives to ensure that the KPI of the department can be completed. The close collaboration established between the five sections under this Division contributes towards the realisation of products preparation and service deliveries which are competent and efficient to the clients.

Sesi perbincangan bersama anak Natrah diadakan di Bergen Op Zoom, Belanda. (Dari kiri ) Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Dato' Hajah Daresah Haji Ismail, Frans Wolkenfelt, Puan Sulasteri Abd Hamid dan Mr. Wim Reijnders, Pengarah 'Het Markiezenhos' (Historish Centrum).

*Discussion session with Natrah's son held in Bergen op Zoom, The Netherland. (From Left) Director General of National Archives Of Malaysia, Dato' Hajah Daresah Haji Ismail, Frans Wolkenfelt, Mrs. Sulasteri Abd Hamid and Mr. Wim Reijnders, Director of 'Het Markiezenhos' (Historish Centrum).*



Seksyen Perolehan (SPL) bertanggungjawab ke atas perolehan bahan daripada sumber-sumber bukan rasmi yang terdiri daripada rekod pertubuhan dan ikhtisas, agama, sukan, politik, ekonomi, kartografi dan senibina dan salasilah. Selain dari itu SPL juga bertanggungjawab memperolehi bahan Arkib dari sumber persendirian yang meliputi bahan untuk Koleksi Surat Persendirian dan Koleksi Persendirian. Bahan-bahan yang diperolehi terdiri dari pelbagai bentuk termasuklah surat-menyurat, terbitan, surat khabar, gambar, poster, poskad, filem, mikrofilem, cakera padat dan sebagainya. SPL turut menjalankan pengesanan bahan Arkib mengenai Malaysia yang terdapat di institusi luar Negara. Bahan-bahan dari luar Negara yang telah dikenalpasti, dikaji dan dinilai kepentingannya akan diuruskan perolehannya. Perolehan bahan luar negara bertujuan untuk mengisi jurang rekod-rekod yang ada dalam simpanan Arkib Negara serta memudahkan penyelidik menjalankan kajian tanpa perlu ke luar negara.

Sepanjang tahun 2013, Seksyen Perolehan telah menganjurkan beberapa aktiviti tambahan bagi meningkatkan perolehan bahan Arkib. Antaranya ialah Wacana Arkib Pertubuhan telah diadakan pada 13 Jun 2013 dan Majlis Promosi Bahan Arkib telah berlangsung pada 2 Julai 2013. Seksyen Perolehan juga telah menjadi Urusetia *Training Seminar on Archives Administration* pada 10 hingga 12 Disember 2013, yang telah dihadiri oleh pegawai dan kakitangan Arkib Negara. Seminar juga dibuka kepada pegawai dan kakitangan diluar Jabatan Arkib Negara yang terlibat dengan kerja-kerja Arkib di jabatan masing-masing. Beberapa penceramah dan pakar Arkib dari Negara India, Singapura dan pakar konservasi dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia telah diundang untuk memberikan ceramah dan berkongsi pengalaman.

Seksyen Arkib Pandang Dengar (SAPD) ditubuhkan susulan daripada penstrukturan semula Jabatan Arkib yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada bulan Februari 2009. Seksyen ini terbahagi kepada empat unit, iaitu Unit Filem, Unit Audio Video dan Multimedia, Unit Gambar serta Unit Khidmat Sokongan. Seksyen ini bertanggungjawab dalam menyediakan dasar, standard, prosedur dan garis panduan perolehan, pemeliharaan dan pemuliharaan; serta pemprosesan bahan audiovisual. Selain itu, seksyen ini juga menyediakan kemudahan repositori untuk rekod-rekod berbentuk filem, audio, video dan multimedia serta bahan-bahan dalam bentuk kertas disamping melaksanakan kerja-kerja pendokumentasian serta program pemeliharaan dan pemuliharaan bahan-bahan audiovisual. Perkhidmatan penyalinan bahan-bahan audiovisual kepada penyelidik juga disediakan.

*The Acquisition Section (SPL) is responsible in the acquisition of materials from non-official sources which consist of records from organisation and profession, religion, sports, politics, economy, cartography, architecture and genealogy. Additionally, SPL is also responsible for acquiring and gathering archival materials from private sources that includes materials for the Collection of Private Letters and Private Collections. The materials obtained are of various forms, such as correspondences, issuances, newspapers, photographs, posters, postcards, film, microfilm, CDs and others. SPL also scouts for archival materials on Malaysia in institutions abroad. Only archival materials that have been identified, analysed and evaluated for their significance will then be acquired. Acquisitions of overseas materials aim to fill the gap of the existing records in the National Archives of Malaysia as well as to facilitate research without being abroad.*

*Throughout 2013, the Acquisition Section organised several additional activities to increase the acquisition of archival material. Among the activities are Discourse on the Organisation of Archives held on 13<sup>th</sup> June, 2013 and the Promotion of Archive Materials Ceremony held on 2<sup>nd</sup> July 2013. The Acquisition Section was also the Secretariat for Training Seminar on Archives Administration held from 10<sup>th</sup> to 12<sup>th</sup> December, 2013, which was attended by the National Archives of Malaysia officers and staff. The seminar is also open to officers and employees outside of the National Archives who are involved with archival works in their respective departments. Several speakers and experts from the National Archives of India, Singapore and conservation experts from the International Islamic University Malaysia were invited to give talks and share experiences.*

*The Audio Visual Archives Section (SAPD) was established ensuing the restructuring of the Department of Archives as approved by the Department of Civil Service in February 2009. This section is divided into four units, Film Unit, Audio Video and Multimedia Unit, Photography Unit and Support Services Unit. This section is also responsible for the preparation of policies, standards, procedures and acquisition guidelines, preservation, conservation and processing of audiovisual materials. In addition, this section also provides a repository facilities records in the form of films, audio, video and multimedia as well as materials in paper forms including performing documentation work and preservation as well as conservation programmes of audiovisual materials. The section also provides audiovisual materials copying service to researchers.*



Bagi memantapkan lagi fungsi Seksyen ini, Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Audiovisual Negara (PPPAV) ditubuhkan. Bangunan PPPAV yang dibina di tapak bersebelahan dengan bangunan tambahan Arkib Negara Malaysia (Menara Ilmu), Jalan Duta, Kuala Lumpur ini telah diluluskan di bawah RMK 7 oleh Jemaah Menteri melalui Kertas Jemaah Menteri No. 410/2179/99 pada 14 Julai 1999. Bangunan ini dibina dengan kos sebanyak RM 27 juta mula dibina pada awal tahun 2008 dan diserahkan kepada Arkib Negara Malaysia oleh Jabatan Kerja Raya pada 17 Disember 2009. Penubuhan PPPAV membolehkan rekod-rekod audiovisual Negara terpelihara sama seperti rekod dalam bentuk kertas. Peranan Arkib Negara Malaysia juga dapat diperluaskan lagi dalam bidang perolehan, pemrosesan, penyimpanan, pemeliharaan, pemuliharaan, penyalinan dan penyediaan kemudahan penyelidikan ke atas bahan audiovisual negara.

Pemuliharaan rekod dan arkib merupakan salah satu tugas utama yang dilaksanakan oleh Arkib Negara Malaysia dalam memastikan bahan-bahan yang bernilai kekal tidak mengalami kerosakan yang berterusan dan dapat dipelihara untuk simpanan kekal. Kerja-kerja pemuliharaan rekod dan arkib telah dipertanggungjawabkan kepada Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi (SPRG). Seksyen ini terbahagi kepada empat Unit iaitu Restorasi, Jilid, Reprografi, dan Makmal dan Kajian.

Unit Restorasi, bertanggungjawab menjalankan aktiviti-aktiviti seperti menjalankan proses penyemakan bahan, ujian kelunturan dakwat, pengenyahan asid dan pembaikan bahan. Kaedah pembaikan yang dilakukan di unit ini terdiri daripada kaedah pembaikan tradisional dan pengkapsulan. Pembaikan tradisional pula terbahagi kepada dua kaedah iaitu manual dan menggunakan mesin tuang lembar. Manakala Unit Jilid pula menjalankan aktiviti menjilid bahan arkib agar dapat disimpan kekal sebagai warisan negara yang bernilai dan dapat dirujuk. Unit ini menjalankan aktiviti jilidan perpustakaan, jilidan pemuliharaan, jilidan bahan awet, dan jilidan halus. Unit ini juga menjalankan kerja-kerja meminta tajuk bagi bahan yang telah selesai dijilid pada kulit buku mengikut kesesuaian bahan. Unit Reprografi bertanggungjawab dalam menjalankan perkhidmatan penyalinan mikrofilem dan gambar. Perkhidmatan mikrofilem yang dijalankan bertujuan menghasilkan Master Negatif, Gen-2 dan Positif. Sebelum penyalinan mikrofilem dijalankan semakan bahan dibuat supaya bahan yang terhasil daripada penyalinan adalah berkualiti. Unit Makmal dan Kajian bertanggungjawab untuk membantu Unit Restorasi dalam menyediakan larutan pengenyahan asid dan menjalankan ujian pH ke atas dokumen. Selain itu, unit ini bertanggungjawab untuk memastikan kelembapan dan suhu bilik simpanan mikrofilem berada dalam keadaan yang stabil supaya bahan yang disimpan berada di dalam keadaan baik.

*In order to augment the performance of this section, the National Centre for Documentation and Conservation of Audio Visual Materials (PPPAV) was established. The PPPAV building, constructed on the site adjacent to the annex of the National Archives of Malaysia (Menara Ilmu), Jalan Duta, Kuala Lumpur; was approved under the 7<sup>th</sup> Malaysia Plan by the Cabinet via the Cabinet Paper No. 410/2179/99 on 14 July 1999. The construction yielded RM 27 million, which commenced work in early 2008 and was handed over to the National Archives of Malaysia by the Department of Public Works on 17<sup>th</sup> December 2009. Establishing PPPAV allows the nation's audiovisual records to be equally protected and preserved as paper records. The role of the National Archives of Malaysia can also be broadened in the areas of acquisition, processing, storage, preservation, conservation, copying and providing research facility on national audio visual materials.*

*Preservation of records and archiving are the principal tasks undertaken by the National Archives of Malaysia in ensuring that the permanently valuable materials do not suffer prolonged damage and can be restored for permanent storage. The records conservation works and archiving is entrusted to the Preservation and Reprography Section (SPRG). This section consists of four units namely the Restoration, Binding, Reprography, as well as Laboratory and Research.*

*The Restoration Unit is responsible to perform materials review, ink solubility test, deacidification and restoration activities. Methods of restoration performed in this unit consists of traditional repair and encapsulation. Traditional repair is divided into two methods, namely manual and the use of leafcasting machine. The Binding Unit performs binding works of archival materials so they can be stored permanently as valuable national heritage and can be used as reference. This unit also performs library binding activities, conservation binding, cured materials binding, and fine binding. The Binding Unit also carries out tooling work for the bound materials for the book cover appropriate to the materials and lettering size. The Reprography Unit is responsible for carrying out microfilm and photograph copying services. The microfilm service carried out is intended to produce a Master Negative, Gen-2 and Positive. Before the microfilm copying can be performed inspection of the material is done so that the copied product from is of high quality. The Laboratory and Research Unit is responsible for assisting the Restoration Unit in the preparation of deacidification solution and performing pH tests on documents. In addition, this unit is responsible in ensuring the humidity and temperature of the microfilm storage room is in a stable condition so that the stored material are constantly kept in good condition.*

Seksyen Panducari (SPN) yang pada asalnya dikenali dengan Seksyen Panduan telah diwujudkan pada 1 Februari 2009. Seksyen ini bertanggungjawab untuk merancang, mengkaji, menyediakan dan mengemaskini panducari yang komprehensif secara manual atau online untuk memberi kemudahan rujukan dan capaian bahan arkib tanpa batasan dan waktu kepada penyelidik. Fungsi dan objektif sekisyen ini disokong dan dilaksanakan oleh Unit Arkib Rasmi, Unit Arkib Persendirian dan Unit Operasi Khidmat Sokongan.

Seksyen Arkib Digital (SAD) mempunyai dua unit iaitu Unit Peralihan Data yang bertanggungjawab dalam melaksanakan kerja-kerja peralihan data (bahan arkib) dari bentuk konvensional (analog) kepada bentuk digital dan Unit Pemeliharaan Digital yang menjalankan pemeliharaan bahan arkib digital supaya sentiasa dapat diakses.

Pada tahun 2013, Seksyen Arkib Digital telah melaksanakan tanggungjawab hakiki dan juga aktiviti yang diarahkan bagi meningkatkan lagi perkhidmatan dalam mencapai visi dan misi Arkib Negara Malaysia menjadi Pusat Arkib dan Penyelidikan Negara yang Unggul.

## PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

### Perolehan Bahan

Sepanjang tahun 2013, Seksyen Perolehan telah memperolehi dan memproses 12,362 unit bahan yang diterima daripada orang perseorangan, tokoh, pertubuhan, organisasi bukan kerajaan (NGO) dan institusi luar negara. Bahan-bahan yang diperolehi terdiri daripada surat-menyurat, terbitan, surat khabar, gambar, poster, poskad, filem, mikrofilem, cakera padat dan sebagainya. Sebanyak 4,611 unit bahan Koleksi Surat Persendirian telah diterima daripada tokoh terkemuka iaitu Tan Sri Mustapa Muhamad, YB Dato Seri Ng Yen Yen, Tan Sri Dato' Dr. M. Jegathesan, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, Tan Sri Ismail Adam, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz dan Tan Sri Datin Paduka Seri Hajah Zaleha Ismail.



*The Finding Aids Section, originally known as the Directory Section, was created on 1<sup>st</sup> February 2009. This section is responsible for the planning, reviewing, preparing and updating comprehensive finding aids either manually or online to provide easy reference and access to archival materials without limitations or time restrictions to researchers. The functions and objectives of this section are supported and implemented by the Archives Official Unit, Private Archives Unit and Support Services Operating Unit.*

*Digital Archives section has two units: The Migration Data Unit, responsible for implementing data work migration (archival material) from conventional (analogue) to digital form and the Digital Preservation Unit conducts preservation of digital archival materials so as to be continually accessible.*

*In 2013, Digital Archives Section has implemented its substantive responsibilities and instructed activities so as to improve its services in compliance to the vision and mission of the National Archives of Malaysia in becoming the nation's premier Archives and Research Centre.*

## ANNUAL ACTIVITIES HIGHLIGHTS

### Acquisition of Materials

*Throughout 2013, the Acquisition Section acquired and processed 12,362 units of materials received from individuals, leaders, organisations, non-governmental organisations (NGOs) and foreign institutions. Materials acquired consist of correspondences, publications, newspapers, photographs, posters, postcards, film, microfilm, CDs and others. A total of 4,611 units of the Private Collection of Letters have been received from prominent figures including Tan Sri Mustapa Mohammed, YB Dato 'Seri Dr Ng Yen Yen, Tan Sri Dato' Dr. M. Jegathesan, Tan Sri Bernard Dompok Giluk, Tan Sri Ismail Adam, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz and Tan Sri Datin Paduka Seri Hajah Zaleha Ismail.*

*Dato' Hajah Daresah Haji Ismail sedang meneliti gambar-gambar mengenai Malaysia yang diserahkan oleh Arsip Nasional Indonesia.*

*Dato' Hajah Daresah Haji Ismail scrutinising photographs of Malaysia submitted by the National Archives of Indonesia.*

Sesi penilaian bahan-bahan Encik Thio Sin Peng (paling kiri) oleh pegawai-pegawai Arkib Negara, dari kanan Puan Hajah Habibah Ismail, Puan Norehan Jaafar, Puan Hajah Noriah Mohd Noor dan Encik Zaidil Akmal.

*Evaluation session of Mr Thio Sin Peng's (left) materials by archivists, from right Puan Hajah Habibah Ismail, Puan Norehan Jaafar, Puan Hajah Noriah Mohd Noor and Mr Zaidil Akmal.*



Disamping itu sejumlah 4,887 unit bahan Koleksi Arkib Pertubuhan telah diperolehi daripada pertubuhan seperti Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, Persatuan Pandu Puteri Malaysia, The New Straits Times, Pure Life Society, Aliran Kesedaran Negara, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan lain-lain.

Seksyen ini juga telah memperolehi rekod-rekod Malaysia dari luar negara iaitu dari The National Archives United Kingdom, National Archives of Australia, The Brooke Heritage Trust, The British Library, London serta pembekal dan institusi dalam negeri. Sebanyak 2,864 unit bahan Koleksi Persendirian dan Rekod-rekod Malaysia dari luar negara telah diperolehi bagi tahun 2013.

### Penyediaan Panducari

Bagi tahun 2013 sebanyak dua panducari telah dihasilkan iaitu Panduan Cap Mohor dan Panduan Merdeka. Panduan Cap Mohor disediakan untuk memperkenalkan bahan arkib yang terdiri daripada pelbagai sumber yang mempunyai cap mohor. Ini terutamanya jenis dokumen yang terdiri daripada surat menyurat, perjanjian, watakah dan sebagainya. Cap mohor adalah alat penting yang terdapat di atas watakah atau surat sebagai bukti ketulusan warkah dan surat tersebut. Kepelbagaian cap mohor yang dipaparkan merupakan asas dan panduan bahawa bahan ini ada tersimpan dalam koleksi ANM.

Panduan Merdeka meliputi bahan-bahan yang terdapat di Ibu Pejabat Arkib Negara Malaysia berkaitan perjuangan menuntut kemerdekaan semenjak Kongres Melayu Pertama diadakan iaitu pada tahun 1946, selepas terbentuknya UMNO sehingga kemerdekaan dicapai; dan sambutan yang diadakan sempena memperingati perjuangan kemerdekaan tersebut sehingga akhir 2011.

*In addition, a total of 4,887 units of the Archives Collection of Organisations was obtained from organisations such as the Malaysian Red Crescent Society, Girl Guides Association of Malaysia, the New Straits Times, Pure Life Society, National Social Reform, the United Malays National Organisation (UMNO), and others.*

*This section has also acquired records pertaining to Malaysia from abroad, such as from the National Archives of United Kingdom, National Archives of Australia, The Brooke Heritage Trust, The British Library, London, and suppliers, and institutions in the state. A total of 2,864 units of Private Collections and Malaysian Records from abroad have been acquired for the year 2013.*

### Finding Aids Preparation

*In 2013 two finding aids, the Seal Inventory and the Independence Inventory, were developed. The Seal Directory aims to introduce archival material from various sources that have seals. These materials are mainly documents such as correspondences, agreements, letters of credence, and others. A Seal is an important tool found on letters of credence or letters to proof the authenticity of the epistle or letter. The various seal displayed is meant to be a foundation and guide that such archive materials are available in National Archives of Malaysia collection.*

*The Independence Directory encompasses materials available in the National Archives of Malaysia Headquarters which includes materials pertaining to the efforts for independence since the First Malay Congress in 1946, materials after the formation of UMNO until the nation's independence; and materials related to the celebrations held in commemoration of the nation's Independence until 2011.*

## Penerbitan Panduan

Sebanyak dua panduan yang telah dicetak dan diterbitkan iaitu Inventori Zakiah Hanum dan Inventori Surat Persendirian Baginda Omar.

## Pembangunan Aplikasi OFA (Online Finding Aids)

Seksyen Panducari bertanggungjawab sebagai urusetia bagi membangunkan aplikasi Online Finding Aids (OFA). Seksyen Panducari juga bertanggungjawab memastikan modul berikut berjalan dengan lancar:

- pembangunan modul Panducari;
- integrasi data antara aplikasi OFA dengan data daripada aplikasi *Computerised Archival System (COMPASS)*, *Archival Management System (AMS)* dan *Media Asset Management System (MAMS)*;
- pembangunan modul penempahan bahan dalam talian;
- pembangunan modul pembayaran dalam talian;
- pembangunan modul pemuliharaan format digital/ pengubahsuaian aplikasi COMPASS dan MAMS.

Sesi Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) bagi OFA telah diadakan pada 7 dan 22 November 2013. Tujuan sesi ini diadakan untuk melihat perkembangan dan menguji keberkesanan dan penggunaan OFA. Sesi ini telah melibatkan 20 orang pegawai dan kakitangan dari S(TM), S(RA), S(R), S(AD), S(APD). Secara keseluruhan sesi ini berjalan dengan jayanya walaupun terdapat banyak penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh pihak pembekal. S(PN) telah mengemaskini status penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi memastikan semua berjalan lancar.

## Pengemaskinian Data Dalam Sistem Compass

Satu projek urus pengemaskinian data dalam sistem COMPASS bagi tujuan pembangunan Aplikasi *Online Finding Aids* telah diadakan pada 20-24 Februari 2013. Projek ini melibatkan 54 pegawai dan kakitangan arkib. Pada 24 Julai – 2 Ogos 2013, satu lagi projek seumpama telah diadakan.

## Program Pendeskripsian Fail

Program Pendeskripsian fail bersama pelajar Jabatan Sejarah dan Tamadun, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kali kelapan ini telah diadakan pada 12-13 Mac 2013. Tujuan program ini adalah untuk mendidik pelajar kaedah pendeskripsian yang betul dan tepat berdasarkan standard kearkiban. Program ini melibatkan 37 orang pelajar dan mereka telah diberi fail dari kumpulan British Advisor's Selangor dan Pahang untuk latihan pendeskripsian. Sebanyak 740 deskripsi telah dihasilkan oleh

## Inventory Publications

*Two inventories were successfully printed and published, which are the Inventory of Zakiah Hanum and the Inventory of His Majesty Omar Private Correspondences.*

## Development of the OFA (Online Finding Aids) Application

*The Finding Aids Section is the secretariat responsible for developing Online Finding Aids (OFA) application. The finding aids section is also responsible for ensuring the following modules run smoothly:*

- *the development of the finding aids module;*
- *the data integration between OFA application with data from Computerised Archival System (COMPASS), Archival Management System (AMS) and Media Asset Management System (MAMS) applications;*
- *the development of material online booking module;*
- *the development of the online payment module;*
- *the development of module on the conservation of digital format/ customisation of COMPASS and MAMS application.*

*User Acceptance Test (UAT) session for OFA was held on 7<sup>th</sup> and 22<sup>nd</sup> November 2013. The purpose of this session was to see the progress as well as testing the effectiveness and function of OFA. This session involved 20 officers and employees of S (TM), S (RA), S (R), S (AD), S (APD). Overall this session was successfully despite the several revisions that needed to be done by the supplier. S (PN) has been updating the status of improvements gradually in order for all to run smoothly.*

## Updating Data In Compass System

*A project for updating data in the COMPASS system for the development of Online Finding Aids application was conducted from 20<sup>th</sup> to 24<sup>th</sup> February 2013. 54 officers and staff of the archives were involved. Another similar project was held on 24<sup>th</sup> July to 2<sup>nd</sup> August 2013.*

## File Description Programme

*The 8<sup>th</sup> File Description Programme with the students of the Department of History and Civilization, International Islamic University Malaysia (IIUM) was held from 12<sup>th</sup> – 13<sup>rd</sup> March 2013. The aim of such programme is to educate students on the correct and precise methods of description based on archive standards. 37 students were involved in the programme and were given files from the Selangor and Pahang British Advisor's Collections for their description training. The students successfully produced a total of*



Program Pendeskripsian Fail bersama pelajar Jabatan Sejarah dan Tamadun, UIAM.

*Files Descriptions Programme with students of the Department of History and Civilization, IIUM.*

pelajar-pelajar tersebut. Selain itu bagi menjayakan Projek MyCC juga, Seksyen Panducari bertanggungjawab melaksanakan penyeliaan kualiti pendeskripsian bagi setiap 20,000 bahan yang telah dibuat deskripsi oleh pihak vendor.

*740 descriptions. Also, in order to make MyCC project successful, the Finding Aids Section is responsible for supervising the description quality for every 20,000 materials where the descriptions were provided by the vendor.*

#### Kemasukan Data

#### Data Entry

Sepanjang tahun 2013, Unit Peralihan Data SAD telah melaksanakan kerja-kerja kemasukan data ke dalam Sistem COMPASS bagi kumpulan berikut:

*All through 2013, SAD Data Migration Unit performed data entry into the COMPASS system for these following groups:*

Bil. Siri No. Series	Kumpulan Rekod Groups Record	No. SPR SPR No.	Jumlah Fail (Terbuka) Total Files (Open)
1.	Jabatan Buruh Negeri Melaka (1945 – 1956) <i>Melaka State Department of Labour(1945 – 1956)</i>	1979/00535	913
2.	Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan (1946 – 1964) <i>Negeri Sembilan Department of Education (1946 – 1964)</i>	1979/00536	494
3.	Jabatan Pertahanan Awam (1950 – 1967) <i>Civil Defence Department (1950 – 1967)</i>	1979/00537	691
<b>JUMLAH KESELURUHAN TOTAL</b>			<b>2098</b>

Bahan-bahan arkib yang didaftarkan ke dalam Sistem COMPASS ini adalah usaha berterusan yang dijalankan oleh Seksyen Arkib Digital bagi memastikan kumpulan rekod yang belum lagi didaftarkan ke dalam COMPASS boleh diakses oleh penyelidik yang dengan mudah dan sistematik. Kemasukan Data bahan arkib ini telah dilaksanakan oleh Pembantu Arkib dengan dibantu oleh Pelajar Latihan Industri dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

*The registration of archival materials into the COMPASS system is a continuous effort by Digital Archives Section to ensure that the group of records yet to be registered in COMPASS can be easily and systematically accessed by researchers. Such data entry of archival materials were carried out by Archive Assistant with the help of Industrial Training Students from Universiti Kebangsaan Malaysia.*



Kerja-kerja pengesanan dan pengimbasan bahan sedang dilaksanakan menggunakan mesin pengimbas Zeutschel Model OS 12000.

*Material recovering and scanning works are carried out using Zeutschel Model OS 12000 scanner.*

### **Pendigitalan Bahan Arkib Dokumen**

Bagi Projek Pendigitalan Bahan Arkib Dokumen sebanyak 165,504 mukasurat telah dijalankan pendigitalan dari Januari 2013 hingga April 2013. Seksyen Arkib Digital juga telah membantu menjalankan Projek Pendigitalan Bahan Arkib Mengenai Malaysia di National Archives of India, New Delhi. Sebanyak 1,000 buah fail dan terbitan telah berjaya di digitalkan dalam tempoh Oktober sehingga Disember 2013 yang meliputi sebanyak 24,900 mukasurat.

### **Archival Management System (AMS)**

Archival Management System (AMS) adalah sebuah sistem yang berkeupayaan memelihara rekod dalam format digital. Sepanjang 2013, beberapa perbincangan dan mesyuarat projek telah diadakan bagi memastikan sistem ini berada dalam keadaan yang baik. Sebanyak 588 bahan terbitan dari pelbagai agensi kerajaan telah dimuatnaik (*ingest*) ke dalam AMS pada tahun ini. Seksyen ini juga meneruskan projek pemeliharaan ke atas rekod digital dengan menjalankan kajian ke atas rekod dalam bentuk digital yang terdapat di jabatan kerajaan dengan kerjasama Seksyen Rekod Elektronik.

### **Projek Pengemaskinian Bahan Audio Visual**

Seramai 22 orang kakitangan telah terlibat dalam kerja-kerja pengemaskinian data bahan audio visual dalam sistem COMPASS yang meliputi kerja-kerja kemaskini bahan yang tiada tarikh, subjek dan lokasi. Hasil kerja kemaskini bahan audio visual adalah seperti berikut:

### **Archives Document Digitisation**

*With regard to the Archives Document Digitisation Project a sum of 165,504 pages were digitised from January to April 2013. The Archives Digital Section has also assisted in carrying out Archives on Malaysia Digitisation Projects at the National Archives of India, New Delhi. A total of 1,000 files and the publications were successfully digitised from October to December 2013, consisting a total of 24,900 pages.*

### **Archival Management System (AMS)**


*Archival Management System (AMS) is a system capable of preserving records in digital format. Throughout 2013, several discussions and project meetings were held to ensure the system is in satisfactory condition. This year, a total of 588 publications from various government agencies have been uploaded (*ingest*) into AMS. This section also maintains the preservation of digital records project via conducting review sessions on digitised records existing in government departments in collaboration with the Electronic Records Section.*

### **Project on Updating Audio Visual Materials**

*A total of 22 employees were involved in the work of updating audio visual data in the COMPASS system which included updating materials with no dates, subject and location. The updated audio visual materials are as follows:*



**CARTA PENGEMASKINIAN BAHAN AUDIO VISUAL**  
*UPDATING AUDIO VISUAL MATERIALS CHART*



**Projek Pendigitalan Bahan Audio Visual**

Kerja-kerja Pendigitalan Bahan Audio visual (AV) telah bermula pada 7 Oktober 2013 sehingga 8 Mac 2014 dengan nilai kontrak sebanyak RM 315,000.00. Jumlah keseluruhan bahan audio visual yang perlu didigitalkan adalah sebanyak 200 jam yang merangkumi 100 jam bagi bahan video dan 100 jam bagi bahan audio. Jumlah jam yang dicapai ialah sebanyak 127 jam.

**Audio Visual Materials Digitisation Projects**

Works on the Digitisation of Audio visual Materials (AV) commenced on October 7<sup>th</sup>, 2013 until March 8<sup>th</sup>, 2014 with a contract value of RM 315,000.00. An overall total of 200 hours of audio visual materials needed to be digitised, consisting of 100 hours of video material and 100 hours of audio material. The number of hours achieved was 127 hours.

**Seminar Latihan Pentadbiran Arkib**

Arkib Negara Malaysia (ANM) telah menganjurkan Seminar Latihan Pentadbiran Arkib (Training Seminar On Archive Administration) pada 10-12 Disember 2013 di Auditorium Pusat Pendokumentasian Dan Pemeliharaan Audiovisual Negara (PPPAV) ANM, Jalan Duta, Kuala Lumpur. Keurusetiaan seminar adalah Bahagian Pengurusan Arkib dan seramai 150 orang

**Training Seminar On Archive Administration**

National Archives of Malaysia organised a Training Seminar On Archive Administration from 10<sup>th</sup> to 12<sup>th</sup> December 2013 in the Auditorium of National Centre for Documentation and Conservation of Audio Visual Materials (PPPAV) ANM, Jalan Duta, Kuala Lumpur. Archives Management Division was the appointed secretariat for the seminar, and a total of 150 participants comprising officers and staff

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, YBhg. Datuk Ab Ghaffar A. Tambi merasmikan Seminar Latihan Pentadbiran Arkib pada 10 Disember 2013.

Deputy Secretary General of the Ministry of Tourism and Culture, YBhg. Datuk Ab Ghaffar A. Tambi officiating Archives Administration Training Seminar on 10 December 2013.



peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Arkib Negara serta 18 orang wakil daripada 9 agensi kerajaan telah menghadiri seminar ini. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Haji Abdul Ghaffar A. Tambi, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan & Kebudayaan. Tujuan seminar ini diadakan ialah untuk meningkatkan kompetensi pegawai dan kakitangan baru Arkib Negara dalam bidang kearkiban dan juga menyediakan program latihan secara berterusan bagi pegawai dan kakitangan arkib. Oleh itu, fokus seminar ini adalah kepada subjek teras dalam pentadbiran arkib iaitu perolehan, pemeliharaan dan akses yang mana menjadi tulang belakang dalam jentera pentadbiran sesebuah institusi arkib. Seminar ini juga dijadikan sebagai satu platform untuk pegawai dan kakitangan Arkib Negara berbincang dan bertukar pandangan dengan pakar-pakar rujuk dan penceramah tentang amalan terbaik pentadbiran arkib seiring dengan perkembangan terbaru disiplin ini di luar negara.

Seramai enam orang pakar rujuk dari dalam dan luar negara telah mengendalikan seminar latihan ini dan 12 tajuk telah dibincangkan sepanjang seminar berlangsung. Pakar-pakar rujuk tersebut terdiri daripada:

- i. Dr. Meena Gautam, Consultant for the Ministry of Culture India dan juga mantan Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara India. Beliau telah membincangkan tajuk-tajuk; *"Principles of Archives Administration"*, *"Appraisal of Archival Records"*, *"Total Archives : Current Acquisition Practice"*, *"Universal Declaration on Archives by ICA"* dan *"Access to Archival Material"*
- ii. Encik Prabhakaran Nair - *"The Role of Preservation in Archives Administration"*
- iii. Prof. Dr. Mandana Barkeshli( UIAM ) - *"Conservation of Archival Material : Paper Characteristics and the Process of Japanese Paper Making"*
- iv. Encik Seyed Sadra Zekrgoo - *"Treatment of Archival Material in relation to writing materials"* dan *"Non-Destructive Technique of Historical Ink Identification"*
- v. Encik Tan Kah Poh (FINAS/ Filem Negara Malaysia) - *"Preservation of Special Collections in Archives Holding"*
- vi. Encik Samuel Goh (Filem Negara Singapura) - *"Issues in Preventive Preservation : Microfilm vs Digitization"*

of the National Archives as well as 18 representatives from nine government agencies attended the seminar. The opening ceremony was graced by YBhg. Datuk Haji Abdul Ghaffar A. Tambi, the Deputy Secretary General of the Ministry of Tourism & Culture. The purpose of this seminar is to enhance the competency level and to provide continuous training programmes in archiving for National Archives of Malaysia officers and new recruits. Accordingly, the focus of this seminar is the core subjects in archive administration, which are acquisition, preservation and access, which is the backbone of an archive institution's governance. This seminar also functions as a platform for officers and staff of the National Archives to discuss and exchange views with consultants and speakers on the best practices of archival governance so as to keep abreast with the current developments in this discipline abroad.

The training seminars were conducted by six consultants from within and outside the country and 12 topics were discussed during the seminar. The consultants were:

- i. Dr. Meena Gautam, Consultant for the Ministry of Culture of India and also former Deputy Director General of the National Archives of India. Her topics of discussions are; *"Principles of Archives Administration"*, *"Appraisal of Archival Records"*, *"Total Archives : Current Acquisition Practice"*, *"Universal Declaration on Archives by ICA"* and *"Access to Archival Material"*
- ii. Mr Prabhakaran Nair - *"The Role of Preservation in Archives Administration"*
- iii. Prof. Dr. Mandana Barkeshli (IIUM) - *"Conservation of Archival Material: Paper Characteristics and the Process of Japanese Paper Making"*
- iv. Mr. Seyed Sadra Zekrgoo - *"Treatment of Archival Material in relations to writing materials"* and *"Non-Destructive Technique of Historical Ink Identification"*
- v. Mr Tan Kah Poh (FINAS/ Malaysia National Film) - *"Preservation of Special Collections in Archives Holding"*
- vi. Mr Samuel Goh (Singapore National Film) - *"Issues in Preventive Preservation: Microfilm vs. Digitization"*



Di akhir sesi seminar suatu forum bertajuk “*Future Trends in Archives Administration and Preservation*” telah diadakan bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan pembaharuan-pembaharuan dalam bidang kearkiban. Antara perkara yang dibangkitkan ialah tentang amalan konsep pemuliharaan bahan arkib menggunakan kaedah “*eco-green conservation*”, isu keselamatan dalam era digital, polisi dan prosedur yang seragam dalam pemeliharaan dan akses bahan arkib secara terbuka dan strategi pendigitalan. Ahli panel forum terdiri daripada pakar rujuk seminar.

### **Sesi Perkongsian Ilmu**

Satu sesi perkongsian ilmu berkaitan dengan bidang pemuliharaan telah diadakan pada 13 Jun 2013 bertempat di Auditorium Arkib Negara. Program tersebut melibatkan semua Pembantu Pemuliharaan di Ibu Pejabat, Cawangan Negeri dan Kader-kader di setiap agensi yang terlibat. Perkongsian ilmu telah disampaikan oleh Cik Fauziah binti Hashim, Senior Konservator daripada Muzium Kesenian Islam, Encik Musrizal bin Mat Isa, Kurator daripada Balai Seni Visual dan Puan Shabanon binti Mohd Sharif, pegawai daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Wilayah Persekutuan.

### **Seminar On Managing Of Audio Visual Archive In Digital Era**

Seminar on Managing Audio Visual Archives In Digital Era telah diadakan pada 16 hingga 17 April 2013 di Hotel Premiera, Kuala Lumpur. Seminar ini adalah anjuran bersama Arkib Negara Malaysia dengan Syarikat Integrasi Naluri Sdn Bhd. dan merupakan salah satu daripada hasil serahan Projek My Creative 2012. Peserta seminar terdiri pegawai-pegawai Arkib dan Pegawai Teknologi Maklumat dari pelbagai seksyen. Objektif

*A forum titled “Future Trends in Archives Administration and Preservation” was held at the end of the seminar sessions to discuss upcoming innovations in the field of archiving. Among the concerns raised were on the practice of archival materials conservation using the “eco-green conservation”, the issue of security in the digital era, fixed policies and procedures in preservation as well as open access to archival materials and digitisation strategy. The panelists for the forum consisted of all the consultants of the seminar.*

### **Knowledge Sharing Session**

*A knowledge sharing session regarding the field of conservation was held on 13<sup>th</sup> June, 2013 at the Auditorium of the National Archives of Malaysia. The programme included all Conservation Assistants at the Headquarters and State Branch as well as cadres in every participating agency. The knowledge sharing session was presented by Ms Fauziah binti Hashim, Senior Conservator of the Museum of Islamic Art; Mr. Musrizal bin Mat Isa, Curator of National Visual Arts Gallery and Ms. Shabanon binti Mohd Sharif, officer from the Department of Occupational Safety and Health, Federal Territory.*

### **Seminar On Managing Of Audio Visual Archive In Digital Era**

*The seminar on Managing Audio Visual Archives In Digital Era was held from 16<sup>th</sup> to 17<sup>th</sup> April 2013 at Premiera Hotel, Kuala Lumpur. It was jointly organised by the National Archives of Malaysia and Integrasi Naluri Sdn. Bhd. and is one of the submissions of 2012 My Creative Project. The seminar was participated by Archive officers and Information Technology officers from various sections. The objective of the seminar is to provide the fundamentals of audiovisual*

Seminar disampaikan oleh Mr Daniel Teruggi dari Institute National de l’Audiovisuel (iNA), Perancis.

Seminar delivered by Mr. Daniel Teruggi from Institute National de l’Audiovisuel (iNA), France.



seminar adalah untuk memberi pengetahuan asas tentang pengurusan bahan audiovisual dalam era digital terutamanya dari aspek teknik pemeliharaan. Seminar ini juga menekankan penggunaan dan pembangunan kandungan bahan audiovisual dalam bentuk digital dan bagaimana untuk mendatangkan hasil dari bahan digital ini. Seminar disampaikan oleh Mr Daniel Teruggi dari Institute National de l'Audiovisuel (iNA), Perancis. Beliau merupakan Ketua Penyelidik di iNA selaku Koordinator bagi Projek ICT European. Antara topik yang disampaikan ialah Pengenalan Bahan Audiovisual (*carriers* dan *format*), Kaedah Pemeliharaan dan Pendigitalan oleh iNA dan Migrasi (*format*) bagi pendigitalan. Selain itu, beliau juga menerangkan tentang Pelan Pemeliharaan dan Pendigitalan Bahan Audiovisual seperti keperluan peralatan/ perisian bagi pendigitalan, Kepentingan Metadata (*Standard & Model*), *Metadata Mapping*, teknologi pengaksesan menggunakan visual sepadan dan isu-isu serta cabaran pemilihan format digital dan *Intellectual Property Rights* (IPR).

#### **Lawatan Ke Makmal Filem Hong Kong**

Satu lawatan sambil belajar ke Makmal Filem Hong Kong telah diadakan pada 5 hingga 9 September 2013. Rombongan yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dan Pengurusan, Puan Faridah Ishak serta beberapa orang Pegawai Arkib. Objektif lawatan adalah untuk melihat kaedah pemeliharaan, pemuliharaan dan pendigitalan filem Melayu lama yang diperolehi oleh Arkib Negara Malaysia (ANM) di Hong Kong. Sepanjang lawatan banyak pengetahuan berkaitan pengurusan bahan arkib pandang dengar yang diperolehi sebagai panduan dan iktibar untuk dilaksanakan di Arkib Negara.

#### **Kem Fotografi Sempena Sambutan Hari Arkib Ke-56**

Kem ini yang telah dianjurkan oleh Unit Gambar, Seksyen Arkib Pandang Dengar yang dihadiri oleh 24 orang penjawat awam yang terdiri daripada pelbagai Kementerian dan Jabatan. Objektif kem ini adalah untuk mendedahkan kepada peserta berkenaan proses pemindahan bahan gambar ke Arkib Negara, memberi panduan pemeliharaan bahan gambar dan berkongsi pengalaman mengenai teknik fotografi. Kem ini membincangkan pelbagai topik berkaitan pemindahan dan pemeliharaan bahan gambar. Penceramah bagi kem ini terdiri daripada pegawai dan ahli Fotografi dari Unit Gambar.

*materials management in the digital age, particularly from the technical aspect of preservation. The seminar also emphasised on the use and development of audiovisual material content in the digital form, and how to generate revenue from digital materials. Mr. Daniel Teruggi from the Institute National de l'Audiovisuel (INA), France was the seminar presenter. He is the Chief Researcher at the iNA qua Project Coordinator for European ICT. Among the topics presented was the introduction of Audiovisual Materials (carriers and formats), Methods of Preservation and Digitisation by iNA and Migration (format) for digitisation. In addition, he also clarified on the Plan for Preservation and Digitisation of Audiovisual Materials such as the requirements of equipment/ software for digitisation, Metadata Interests (Standard & Models), Metadata Mapping, technology access via corresponding visual and the issues as well as challenges of the digital format selections and Intellectual Property Rights (IPR).*

#### **Visit To Hong Kong Film Laboratory**

*A study tour to Hong Kong Film Laboratory was held from 5<sup>th</sup> to 9<sup>th</sup> September, 2013. The delegation was led by Deputy Director of Planning and Management, Mrs. Faridah Ishak and participated by several archivists. The objective of the visit was to observe the method of preservation, conservation and digitisation of old Malay films acquired by the National Archives of Malaysia in Hong Kong. Much knowledge concerning the management of audio visual archival materials was attained during the visit, which can be an effective guide and precedent in the National Archives of Malaysia.*

#### **Photography Camp in conjunction with the 56<sup>th</sup> Archive Day**

*The camp organised by the Photography Unit of Audio Visual Archives Section, was attended by 24 civil servants from various government ministries and departments. The objectives were to expose participants to the transferring process of photo materials to the National Archives of Malaysia, provide guidance on photo preservation and share experiences on techniques of photography. The Camp also reviews various topics pertaining to the transfer and preservation of photographs. The speakers for the camp consisted of Photography officers and members from the Photography Unit.*

### **Lawatan Khidmat Nasihat Di Jabatan Kerja Raya (JKR), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

Tujuan lawatan ini ialah untuk memberikan khidmat nasihat tentang pengurusan bahan-bahan audio visual, disamping mengenalpasti bahan-bahan dalam bentuk audio visual dan multimedia serta gambar yang terdapat di JKR bagi simpanan Arkib Negara Malaysia. Pihak JKR mempunyai banyak bahan-bahan audio visual yang mempunyai nilai kebangsaan dan sejarah, terutama gambar-gambar bangunan, acara-acara rasmi dan laporan tahunan yang perlu dihantar kepada Arkib Negara untuk tujuan rujukan. Cawangan ini telah dinasihatkan supaya menghantar bahan-bahan tersebut dengan deskripsi lengkap untuk disimpan di Arkib Negara Malaysia.

### **Lawatan Khidmat Nasihat Di Pusat Sumber Maritim Dan Sejarah, TLDM**

Lawatan ini bertujuan untuk memberikan khidmat nasihat tentang pengurusan bahan-bahan audio visual yang terdapat di PUSMAS, disamping mendapatkan bahan-bahan dalam bentuk audio visual dan multimedia serta gambar yang terdapat di dalam koleksi pusat ini bagi simpanan Arkib Negara Malaysia. Bahan audio visual yang terdapat di sini adalah berbentuk CD/ DVD dan album-album lama.

### **Advisory Visit to the Public Works Department (PWD), Federal Territory of Kuala Lumpur**

*The aim of the visit was to provide advice on the management of audio visual materials, as well as to identify audio visual and multimedia materials as well as photographs existing in PWD for preservation at the National Archives of Malaysia. The PWD has numerous audio visual materials that hold national and historical value, especially images of buildings, official events and annual reports, which are to be submitted to the National Archives for reference purposes. This branch was advised to deliver the materials complete with detailed descriptions before these can be stored in the National Archives of Malaysia.*

### **Advisory Visit to the Maritime and History Resource Centre, RMN**

*The visit aimed to provide advisory services on the management of audio visual materials existing in PUSMAS, whilst acquiring the audio visual and multimedia materials and photographs found in the centre's existing collection for the National Archives of Malaysia. Audio visual materials available herein are in the form of CD/ DVD and old albums.*



ARKIB NEGARA MALAYSIA  
NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA

# Bahagian Pengembangan

## *Advocacy Division*



# Bahagian Pengembangan

## Advocacy Division

### Profil

Bahagian Pengembangan merupakan salah satu tunggak utama Jabatan Arkib Negara. Bahagian ini mendokong visi Arkib Negara Malaysia iaitu "Menjadi Pusat Arkib dan Penyelidikan Negara yang Unggul". Fungsi utama bahagian ini adalah untuk memastikan penyimpanan dan pemeliharaan bahan arkib yang sistematik dan dilaksanakan mengikut standard Arkib Antarabangsa, menyediakan kemudahan penyelidikan yang terbaik kepada penyelidik, menggalakkan penggunaan bahan arkib di dalam penyelidikan, memastikan capaian dan akses kepada bahan arkib lancar dan terurus, bertanggungjawab untuk meningkatkan kesedaran masyarakat akan kepentingan maklumat daripada sumber primer melalui aktiviti pameran dan program arkib pendidikan. Terdapat tiga seksyen yang menjadi penggerak fungsi Bahagian Pengembangan iaitu Seksyen Perkhidmatan Repositori, Seksyen Rujukan dan Akses serta Seksyen Pameran dan Arkib Pendidikan.

Seksyen Perkhidmatan Repositori bertanggungjawab untuk memastikan arkib awam yang dipindahkan ke repositori Arkib Negara Malaysia dipelihara dan disimpan dengan sempurna serta terjamin keselamatannya. Seksyen ini juga bertanggungjawab memastikan semua bahan disimpan secara sistematik serta mudah dikesan apabila diperlukan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.

### Profile

The Advocacy Division is one of the main pillars of the National Archives of Malaysia. It advocates the National Archives of Malaysia vision in becoming the nation's premier Archives and Research Centre. The main function of this section are to ensure that archival materials are systematically stored and preserved and the procedures observed are in accordance with the standards of the International Archives; to provide the best research facilities for researchers, to encourage the use of archival materials in research, to ensure access to archival material are functioning smoothly and well managed, to be responsible in raising public awareness on the importance of information from primary sources through exhibition activities and educational archival programmes. There are three sections that serve as Advocacy Division's functional prime mover: the Repository Services Section, the Reference and Access Section as well as the Exhibition and Educational Archives Section.

The Repository Services Section is responsible in ensuring the public archival materials transferred to the repository at the National Archives of Malaysia are well maintained, properly stored and fully secured. This section is also responsible in ensuring that all materials are stored systematically and can be easily located when needed for reference and research purposes.

Delegasi dari Republik Oman melihat bahan arkib di gedung Repositori sambil diperhatikan Ketua Seksyen Perkhidmatan Repositori, Tuan Abdul Hamid Tuan Daud (kanan).

*Republic of Oman Delegations studying archival materials in the Repository under the observation by the Head of Repository Services Section, Tuan Abdul Hamid Tuan Daud (right).*



Kesemua koleksi bahan Arkib yang bernilai sejarah dan kebangsaan yang dipindahkan ke Arkib Negara, dipelihara dan disimpan mengikut standard Arkib Antarabangsa. Koleksi bahan Arkib yang mengandungi pelbagai jenis bahan seperti fail, terbitan, rekod kartografi, bahan audio visual, mikrofilem, arkib persendirian dan sebagainya ini dipelihara dan disimpan mengikut jenis dan bentuknya di repositori Arkib Negara. Gedung simpanan arkib dilengkapi peralatan bersesuaian seperti rak statik dan rak bergerak serta kabinet besi untuk menempatkan bahan Arkib berdasarkan jenis, bentuk dan komposisi fizikal bahan. Kotak dan sampul serta pembungkus plastik yang menepati standard juga digunakan untuk memelihara dan melindungi bahan daripada sebarang kerosakan.

Sebagai penyimpan khazanah warisan negara, Seksyen Perkhidmatan Repositori sentiasa memastikan semua gedung arkib yang berada di bawah kawalannya selamat daripada sebarang ancaman yang boleh merosakkan bahan-bahan arkib dengan mengawal suhu dan kelembapan mengikut jenis bahan serta menjalankan kerja pewasapan bagi menghapus makhluk perosak. Gedung simpanan arkib juga dikawal selia dari segi keselamatan dengan memasang sistem penggera, kad akses dan pemadam api. Tempat ini juga turut diisytiharkan sebagai kawasan larangan. Di samping itu, bagi memastikan kelangsungan hayat bahan arkib, seksyen ini juga bertanggungjawab memastikan bahan yang uzur dan rosak dibuat pemuliharaan.

Seksyen Rujukan dan Akses bertindak mengikut dasar dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia dalam usaha menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada penyelidik, sesuai dengan misi utama Jabatan. Berfungsi sebagai 'cermin' kepada Jabatan, seksyen ini perlu memastikan mutu

*All collection of archival materials possessing historical and national value that are transferred to the National Archives, are preserved and kept according to International Archives standards. The collection of archival materials that contain various types of materials such as files, publications, cartography records, audio visual materials, microfilm, private archives, and others are preserved and stored in accordance with their type and forms at the National Archives' repository. The archives storehouse is well equipped with proper equipment such as static shelving and movable shelving as well as steel cabinets to house archive material based on types, forms and physical compositions of the materials. Boxes, envelopes and plastic packaging compliant to the set standard is also used to preserve and protect the materials from any damages.*

*As keeper of national heritage, the Repository Service Section continuously monitors all archive store houses that are under its control are safe from threats that may damage the archival materials via controlling the temperature and humidity according to types of material and performing fumigation work to eliminate pests. The archival storehouses are also regulated in terms of security by installing an alarm system, the use of card access and fire extinguisher systems. The storehouse compound was also declared as a protected area. In addition, to ensure the survival of archival materials, this section is also responsible for ensuring that conservation be made on frail and damaged materials.*

*The Reference and Access Section acts in accordance with policies and regulations set by the National Archives of Malaysia in an effort to provide the best services to researchers, in concordance to the primary mission of the Department. Functioning as a 'mirror' to the Department, this section provides the optimum quality of services*



Pihak Pengurusan Tertinggi Arkib Negara Malaysia menyambut ketibaan YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz sempena lawatan kerja ke Arkib Negara Malaysia pada 16 Julai 2013.

*The Top Management of the National Archives welcomed the arrival of YB Dato 'Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz during his working visit to the National Archives on July 16, 2013.*

perkhidmatan diberikan secara optimum melalui kelancaran proses pendaftaran penyelidik, memberi khidmat nasihat kepada pengguna arkib, menguruskan permintaan bahan arkib, dan menyediakan kemudahan pinalinan bahan-bahan arkib. Seksyen ini turut bertanggungjawab memastikan keselamatan bahan arkib yang sedang dirujuk oleh penyelidik terjamin.

Seksyen Pameran dan Arkib Pendidikan bertanggungjawab memasyarakatkan arkib dengan koleksi bahan dalam simpanannya kepada orang ramai. Justeru, melalui aktiviti pameran yang dijalankan, masyarakat khususnya generasi muda dan para pelajar digalakkan meneroka bahan-bahan yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia serta menggunakannya sebagai bahan rujukan untuk penyelidikan dan pengetahuan, seterusnya melahirkan semangat masyarakat cintakan Negara dan warisan sejarahnya.

Di samping itu, seksyen ini juga menyediakan perkhidmatan pinjaman bahan-bahan pameran kepada Jabatan dan Institusi Kerajaan. Perkongsian ini membuka lebih banyak peluang dan ruang untuk menyebarkan maklumat sejarah dan mendekatkan bahan arkib kepada masyarakat. Pelaksanaan Program Arkib Pendidikan di peringkat sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi pula berjaya mendedahkan golongan pelajar kepada maklumat sahih daripada sumber primer yang terdapat di Arkib Negara Malaysia yang boleh membantu proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

*via the smooth registration process for researchers, provides advisory services to archive users, manages requests of archival materials, and provides copying facilities of archival materials. This section is also responsible for ensuring the safety of archival materials that are being referred by researchers.*

*The Exhibition and Educational Archives Section is responsible for communalising existing archives collections to the public. Hence, through exhibition activities, the community especially the young generation and students are encouraged to explore archive materials kept in the National Archives of Malaysia and to use them as reference materials in their research and for their knowledge, consequently creating a community with a sense of deference for the nation and the nation's historical heritage.*

*In addition, this section also provides loan service of exhibition materials to government departments and institutions. Such partnerships opens up more opportunities to disseminate historical information and bringing archive materials closer to the community. The implementation of Educational Archives Programme in schools and institutions of higher learning has successfully expose students to authentic information from primary sources available at the National Archives of Malaysia that can facilitate the teaching and learning processes in schools.*



YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz tertarik dengan salah satu koleksi Allahyarham bapanya, Yang Berhormat Tan Sri Abd Aziz yang disimpan di Arkib Negara.

YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz fascinated with the National Archives' record of his father's collection, the late YB Tan Sri Abd Aziz.

## PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

### Pengurusan Gedung Simpanan Arkib

Seksyen Perkhidmatan Repositori bertanggungjawab menguruskan penerimaan bahan daripada Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod (SPPR) dan Seksyen Perolehan (SPL). Sepanjang tahun 2013 sebanyak 214.05 meter panjang fail yang telah mencapai taraf arkib telah diterima dan sedia untuk dirujuk oleh penyelidik. Seksyen ini juga menerima 4,618 unit terbitan rasmi, 25 unit rekod kartografi dan seni bina 4,193 unit bahan Arkib Persendirian serta 3,942 naskhah surat khabar dan majalah untuk simpanan kekal di Arkib Negara.

Seksyen ini juga bertanggungjawab bagi mengeluarkan bahan untuk rujukan penyelidik dan pinjaman jabatan. Sebanyak 51,808 bahan telah dikeluarkan untuk rujukan penyelidik dan 219 buah fail telah dikeluarkan untuk pinjaman jabatan. Manakala sejumlah 964 unit bahan telah dikeluarkan untuk tujuan pendiskripsian. Seksyen ini turut menyediakan Senarai Kumpulan Arkib/ Rekod yang telah mencapai taraf arkib iaitu berusia 25 tahun. Senarai ini mengandungi maklumat mengenai bahan yang baru dibuka untuk rujukan penyelidik. Walau bagaimanapun rujukan kepada fail-fail ini masih tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi di mana fail-fail terperingkat yang belum diturun taraf tidak dibuka untuk rujukan penyelidik. Senarai Kumpulan Arkib/ Rekod yang telah mencapai taraf arkib ini dikeluarkan mengikut suku tahun iaitu pada setiap awal bulan Januari, April, Julai dan Oktober. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 1,008 kumpulan Arkib/Rekod yang mengandungi 4,436 buah fail telah mencapai taraf arkib dan sedia untuk dirujuk dan sebanyak 336 keping gambar telah dimuat naik dalam portal Jabatan bagi tujuan promosi.

### Kemudahan dan Perkhidmatan Penyelidikan

Pada 2013, seramai 4,961 orang telah mendaftar sebagai penyelidik di Arkib Negara Ibu Pejabat. Sebanyak 10,526 kehadiran penyelidik di Dewan Penyelidikan telah direkodkan dan sebanyak 54,263 unit bahan telah dirujuk. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 1,462 unit rekod berjaya disemak dan dinilai untuk dikelaskan semula.

- i. Jabatan Perdana Menteri, Unit Perancang Ekonomi
- ii. Jabatan Penjara, Taiping
- iii. Pejabat Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak
- iv. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Kelantan
- v. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pulau Pinang
- vi. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan
- vii. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Kedah

## ANNUAL ACTIVITIES HIGHLIGHTS

### Management of Archives Storehouses

*The Repository Services Section is responsible in managing the accession of files from the Record Centre Services Section and the Acquisition Section. Throughout 2013, a total of 214.05 meters of files that have attained the archive status and ready for reference by researchers. This section also received 4,618 units of official publications, 25 units of cartography and architectural records, 4,193 units of Private Archives and 3,942 of copies of newspapers and magazines for permanent storage in the National Archives.*

*This section is also responsible for issuing archive materials for references by researchers and loaning archives materials to other departments. A sum of 51,808 of archive materials were released to researchers and 219 files were released on loans to other departments. Additionally, a total of 964 units were issued for the purpose of file description. This section also provides lists of Group Archives/ Records that have reached the archives status of 25 years. This list contains information on newly accessed materials available to researchers. However, the reference to these files is subjected to the Official Secrets Act, which states that any classified files that have yet to be written down in status are not open to researchers for research. The List of Group Archives/ Records that have reached the status of archive will be issued accordingly at quarterly intervals which is at the beginning of each January, April, July and October. Throughout 2013, a total of 1,008 groups of Archives/ Records containing 4,436 files reached the archives status and ready as references and a total of 336 photographs were uploaded in the department's portal for promotional purposes.*

### Facilities and Research Services

*In 2013, a total of 4,961 individuals registered as researchers at the National Archives of Malaysia headquarters. A total of 10,526 attendances by researchers at the Research Hall were recorded and a total of 54,263 units material were used as reference. Throughout 2013, a total of 1,462 units of record were successfully reviewed and evaluated to be reclassified.*

- i. Prime Minister's Office, Economic Planning Unit
- ii. Prison Department, Taiping
- iii. Office of His Majesty the Sultan of Perak
- iv. Office of the Secretary of State, Kelantan
- v. Office of the State Secretary, Penang
- vi. Office of the State Secretary, Negeri Sembilan
- vii. Office of the State Secretary, Kedah

- viii. Lembaga Bandaran Port Dickson
- ix. Jabatan Agama Islam Pulau Pinang
- x. Unit Penyelidikan Sosioekonomi Pulau Pinang

Seksyen ini juga telah melaksanakan program bersama penyelidik dan memberi fokus kepada pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT). Pada tahun 2013, sebanyak tujuh sesi Klinik Kepenggunaan telah dianjurkan. Antara institusi yang terlibat adalah Universiti Teknologi MARA, Universiti Kebangsaan Malaysia, UNISEL, JUPEM dan Sek. Men. Keb. Raja Muda Musa, Bestari Jaya.

Program Lestari Ilmu Arkib Bersama IPT pula telah diadakan pada 20 Jun 2013 di Auditorium Arkib Negara Cawangan Pahang. Program itu telah dirasmikan oleh YB. Dato' Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang. Ia telah disertai oleh 250 orang pelajar dan pensyarah dari empat Institut Pengajian Tinggi, tujuh buah sekolah menengah di sekitar bandar Kuantan, Persatuan Sejarah Negeri Pahang serta jemputan dari agensi penyiaran dan badan kerajaan. Institusi pengajian tinggi yang terlibat adalah Institut Perguruan Kuala Lipis, Kolej IKIP, Kolej ICAM, Kolej Shahputra dan sekolah-sekolah menengah berhampiran. Manakala bagi aktiviti Arkib Pendidikan dan Pameran telah disertai oleh 1,019 orang pelajar dari 30 buah sekolah menengah sekitar bandar Kuantan.

Program Lestari Ilmu yang kedua telah diadakan di Auditorium Wisma Warisan di Ibu Pejabat Arkib Negara Malaysia pada 8 Oktober 2013. Pada kali ini, kumpulan sasaran program adalah kepada penuntut Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Seramai lebih 200 orang peserta telah hadir menjayakan program ini termasuk pensyarah dan penuntut IPGM.

- viii. Town Board Port Dickson
- ix. Penang Islamic Religious Department
- x. Socio-Economic Research Unit Penang

*This section also implemented programmes with researchers and students focusing on Higher Education Institutions. In 2013, seven sessions of Consumerism Clinic were organised. Among the participating institutions are Universiti Teknologi MARA, Universiti Kebangsaan Malaysia, UNISEL, JUPEM, and Raja Muda Musa Secondary School, Bestari Jaya.*

*Sustainable Archives Knowledge Programme in collaboration with higher education institutions was held on 20<sup>th</sup> June, 2013 at the Auditorium of the National Archives of Malaysia, Pahang Branch. The programme was inaugurated by YB. Dato' Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin, an Executive Council Member of the Tourism and Culture of the State of Pahang. The programme was attended by 250 students and four lecturers from higher education institutions, seven secondary schools around Kuantan, Pahang State Historical Society, and guests from broadcasting and government agencies. The higher education institutions involved were Kuala Lipis Teachers Institute, IKIP College, ICAM College, College Shahputra and surrounding secondary schools. Whereas 1,019 students from 30 schools around the city of Kuantan attended the Exhibition and Educational Archives activity.*

*The second Sustainable Archives Knowledge programme was held in the Wisma Warisan Auditorium at the National Archives of Malaysia Headquarters on 8<sup>th</sup> October, 2013. This time, the target group of the program is the students of Institute of Teacher Education, Malaysia. More than 200 participants including lecturers and students attended the programme.*



(Dari kiri) Moderator Encik Ahmad Sukri Abdul Kadir, Pengarah Arkib Negara Cawangan Pahang dan ahli-ahli panel, Encik G. Savumthararaj, Pengarah Bahagian Pengembangan ANM; Profesor Dr. Nordin Hussin, Pensyarah Jabatan Sejarah UKM dan Encik Amran Zakir Saad, pelajar Kedoktoran Falsafah (PhD) dari Universiti Malaya.

(From left) Mr Ahmad Sukri Abdul Kadir, Director of the National Archives Pahang Branch as Moderator; and members of the panel, Mr. G. Savumthararaj, Director of Advocacy Division, ANM; Professor Dr. Nordin Hussin, Lecturer from Department of History, UKM and Mr Amran Zakir Saad, a PhD student from the University of Malaya.

## Program Memasyarakatkan Bahan Arkib

Seksyen Pameran dan Arkib Pendidikan berperanan untuk memasyarakatkan arkib dan koleksi bahan dalam simpanannya kepada orang ramai dari segenap lapisan. Sejarar dengan itu, seksyen ini proaktif dengan menjalankan aktiviti pameran dan program Arkib Pendidikan bagi mengetengahkan bahan arkib dalam bentuk poster kepada masyarakat khususnya generasi muda dan para pelajar. Sepanjang tahun 2013 sebanyak 45 pameran telah dilaksanakan yang meliputi empat pameran yang menggunakan bahan baru dan 41 pameran yang menggunakan poster sedia ada. Seksyen ini juga turut menyediakan khidmat peminjaman poster pameran kepada 15 buah agensi luar dan arkib cawangan negeri yang berminat. Perkongsian ini membuka lebih banyak peluang dan ruang untuk menyebarkan maklumat sejarah dan mendekatkan bahan arkib kepada masyarakat. Jumlah kehadiran pelawat ke pameran yang diadakan sepanjang tahun 2013 ialah 72,340 orang.

Bagi Program Arkib Pendidikan pula, 2 buah program berskala besar telah dilaksanakan di Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim 1, Kelantan yang melibatkan 1,569 orang pelajar dari 30 buah sekolah dan Institut Pengajian Tinggi. Pelaksanaan Program Arkib Pendidikan di peringkat sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi ini berjaya mendedahkan golongan pelajar kepada maklumat sahih daripada sumber primer yang terdapat di Arkib Negara Malaysia yang boleh membantu proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

## Communalising Archives Materials Programme

*The Exhibition and Educational Archives Section roles are to communalise the archives and collections in its custody to the public from all walks of life. Accordingly, this section has been proactive by conducting exhibitions activities and educational programmes to highlight the Archives and archival materials in the form of posters to the community, in particular youth and students. During 2013 a total of 45 exhibitions have been carried out that includes four exhibitions using new materials and 41 exhibitions use the existing posters. This section also provides lending services of exhibition posters to 15 external agencies and interested state branches of the National Archives. These partnerships open up more opportunities to disseminate historical information and bring archive materials closer into the community. The total attendance to the exhibition held during the year 2013 was 72,340 visitors.*

*The Educational Archives Programmes had implemented 2 large-scale programmes in the National Archives of Malaysia, Pahang Branch and Ibrahim 1 Secondary School, Kelantan involving 1,569 students from 30 schools and institutions of higher learning. The implementation of Educational Archives Programme in schools and institutions of higher learning has successfully expose students to authentic information from primary sources available at the National Archives of Malaysia that can facilitate the teaching and learning processes in schools.*





ARKIB NEGARA MALAYSIA  
NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA

# Bahagian Pengurusan Penyelidikan dan Dokumentasi

*Research and Documentation  
Management Division*



# Bahagian Pengurusan Penyelidikan dan Dokumentasi

## Research and Documentation Management Division

### PROFIL

Bahagian Pengurusan Penyelidikan dan Dokumentasi (BPPD) memainkan peranan penting dalam merealisasikan visi Arkib Negara untuk menjadi Pusat Arkib dan Penyelidikan Negara yang unggul dengan memastikan rekod dan maklumat berkaitan persempadanan hak kedaulatan, isu semasa dan pengesahan fakta sejarah negara tersedia untuk dimaju dan dirujuk oleh pihak berkaitan. Di samping itu, BPPD bertanggungjawab dalam merancang dan menguruskan program penerbitan dan percetakan Jabatan, mengendalikan edaran dan jualan terbitan serta menjalankan penyelidikan mengenai peristiwa-peristiwa bersejarah, tempat-tempat bersejarah dan tokoh-tokoh sejarah disamping mengumpulkan maklumat dan bahan-bahan yang berkaitan mengenainya untuk disebarkan kepada orang ramai. Fungsi dan aktiviti tersebut dilaksanakan melalui tiga seksyen iaitu Seksyen Penyelidikan Khas Negara, Seksyen Dokumentasi dan Seksyen Penerbitan dan Percetakan.

Seksyen Penyelidikan Khas Negara bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja penyelidikan khas dan pengesahan fakta yang membabitkan hal-hal persempadanan, hak dan kedaulatan serta isu-isu semasa negara. Terdapat beberapa isu persempadanan yang memerlukan perhatian dan usaha yang lebih awal untuk mendapatkan bahan-bahan bukti selain penyelidikan dan kajian yang lebih mendalam. Usaha-usaha pengesanan ini dilakukan di dalam dan di luar negara di samping menghadiri bengkel yang berkaitan bagi melengkap dan memantapkan lagi pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai dalam menjalankan kajian dan penyelidikan.

Seksyen Dokumentasi bertanggungjawab dalam melaksanakan program dan aktiviti pendokumentasian dan penyebaran maklumat sejarah negara kepada umum. Program dan aktiviti pendokumentasian yang dijalankan oleh seksyen ini bertujuan untuk menambah sumber rujukan serta mengisi jurang maklumat dalam rentetan sejarah tanah air yang tidak terdapat di dalam sumber-sumber rasmi atau sumber sedia ada dalam simpanan Arkib Negara. Selain itu, melalui aktiviti dan program, seksyen ini juga dapat mempelbagaikan lagi sumber rujukan fakta sejarah negara. Pendokumentasian maklumat yang dijalankan oleh seksyen ini dilaksanakan menerusi sesi Pengkisahan Sejarah, Bicara Sejarah dan Sejarah Lisan iaitu aktiviti asas kepada Seksyen

### PROFILE

*The Research And Documentation Management Division plays an important role in realising the vision of the National Archives in becoming the nation's premier Archives and Research Centre by ensuring that records and information pertaining to boundaries sovereignty rights, current issues and verification of national historical facts are ever available for submissions and referred to by relevant parties. In addition, is responsible for planning and managing the publication and printing programmes for the department, handles the distribution and sales of publications, and conduct research on historical events, historical sites and prominent historical figures as well as gathering information and materials related to them to be disseminated to the public. The functions and activities were accomplished through three sections, namely, the National Special Research Section, Documentation Section; and Publication and Printing Section.*

*The National Special Research Section is responsible for conducting specific research work and verification of the facts concerning boundary matters, the rights and sovereignty as well as current issues of the nation. There are some boundary issues that require prompt attention and efforts to obtain material evidence as well as meticulous research and investigation. The pursuits are done both locally and externally as well as attending relevant workshops to complement and enhance the knowledge and skills of officers in conducting studies and research.*

*The Documentation Section is responsible for carrying out programmes and documentation activities as well as dissemination of the nation's historical information to the public. The programmes and Documentation activities implemented by this section are intended to supplement reference sources and fill the information gap in the sequence of history of the nation not found in other official sources or existing resources in the National Archives of Malaysia. In addition, this section can also diversify the sources of national historical reference facts through its activities and programmes. Documentation of information performed by this section was carried out through Historical Narration, Historical Discourse and Oral History which are the principal activities of the Documentation Section.*

Dokumentasi. Sementara penyebaran maklumat mengenai bahan arkib dan sejarah negara pula disebarkan kepada umum melalui aktiviti Wacana Warisan, penulisan mengenai bahan arkib di akhbar, majalah, TV, radio dan melalui portal Arkib Negara. Seksyen Dokumentasi juga bertanggungjawab dalam menghasilkan dan menguruskan program Hari Ini Dalam Sejarah untuk siaran di stesen TV dan Radio RTM dan secara dalam talian di portal Arkib Negara.

Seksyen Penerbitan dan Percetakan bertanggungjawab merancang dan menguruskan program penerbitan dan percetakan Jabatan serta mengendalikan edaran dan jualan terbitan. Seksyen Penerbitan dan Percetakan terdiri daripada Unit Penerbitan dan Percetakan serta Unit Edaran, Jualan dan Khidmat Sokongan.

## PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

### Penyelidikan Khas

Sejarah penubuhan seksyen ini bermula sejak 1979 lagi apabila Arkib Negara Malaysia terlibat secara langsung dalam penyelidikan dan kajian khas berkaitan persempadanan negara yang melibatkan kes tuntutan bertindih Pulau Sipadan dan Ligitan di antara Malaysia dengan Indonesia serta kes kedaulatan Pulau Batu Puteh yang melibatkan Malaysia dengan Singapura. Memandangkan tanggungjawab dan kepentingan kerja-kerja penyelidikan dan kajian kes persempadanan negara ini semakin serius dan mendesak, maka pada 1 Julai 2003, Cawangan Penyelidikan Khas telah ditubuhkan secara rasmi. Pewujudan cawangan ini membolehkan kerja-kerja penyelidikan dan kajian persempadanan dijalankan secara lebih aktif dalam dan luar negeri bagi mengkaji, mengumpul dan mendapatkan rekod-rekod sebagai bahan bukti untuk mempertahankan hak dan kedaulatan negara.

*Meanwhile, the dissemination of information on archival materials and history of the nation are spread to the public through Heritage Discourse, writings on archival material in newspapers, magazines, televisions, radios and through the portal of the National Archives of Malaysia. The Documentation Section is also responsible for producing and managing Today in History programme for RTM TV and Radio stations broadcasting and online portal of the National Archives of Malaysia.*

*The Publication and Printing Section is responsible for planning and managing the departmental publications and printing programmes as well as handling the distributions and sales of publications. Publication and Printing Section is comprised of Printing and Publication Unit, Distribution Unit, Sales and Support Services Unit.*

## ANNUAL ACTIVITIES HIGHLIGHTS

### Special Research

*The history of this section's inception began in 1979 when the National Archives of Malaysia was directly involved in the research and special studies pertaining national boundaries between Malaysia and Indonesia with regard to the overlapping claims on Pulau Sipadan and Ligitan as well as the sovereignty of Pulau Batu Puteh case involving Malaysia and Singapore. On account of the responsibility and the importance of research work as well as case studies of national boundaries are increasingly serious and urgent, on 1<sup>st</sup> July, 2003 the Special Research Branch was established formally. The founding of this branch enables boundaries research works and investigations to be actively carried out locally and overseas in order to study, collect and acquire records as evidence for defending the nation's rights and sovereignty.*



Prof. Madya Dr. Stephen Chia Ming Soon (kiri) membentangkan kertas kerja di Majlis Polemik Sejarah Malaysia Sesi ke-31. Pengerusi Majlis, Prof. Madya Mat Zin Mat Kib (tengah) dan ahli panel, Encik Mohd Jeffery Abdullah (kanan).

Assoc. Prof. Dr. Stephen Chia Ming Soon (left) presenting a paper at the 31<sup>st</sup> Malaysian Historical Polemic Council. The Chairman, Assoc. Prof. Mat Zin Mat Kib (centre) and panelists, Mr. Mohd Jeffery Abdullah (right).



Kerja-kerja pengesanan dan pengimbasan bahan sedang dilaksanakan.

*Material recovering and scanning works are carried out.*

Pada 1 Februari 2009, (hasil penstrukturan semula jabatan) nama cawangan ini telah diubah kepada Seksyen Penyelidikan Khas Negara (SPKN). Penubuhan seksyen ini bukan sahaja memantapkan lagi kerja-kerja penyelidikan dan kajian persempadanan ke atas isu-isu persempadanan, hak dan kedaulatan serta pengesahan fakta ke atas isu-isu semasa negara tetapi turut bertambah dengan pelaksanaan Majlis Polemik Sejarah Malaysia serta pendokumentasian bahan dan hasil kajian.

